

Jilid I  
Bil. 29



Hari Isnin  
17hb November, 1986

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4033]

**RANGUNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1987**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

Maksud B.17 [Ruangan 4071]

Maksud B.18 [Ruangan 4114]

Maksud B.19 [Ruangan 4142]

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1987**

**Jawatankuasa—**

Maksud P.17 [Ruangan 4071]

Maksud P.18 [Ruangan 4114]

Maksud P.19 [Ruangan 4142]



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatan Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Benteng).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AVOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR Sm ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

„ Timbalan Menteri Petajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).

„ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN Hm (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA Jui MENG (Bakri).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAPIN *alias* SHAPAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGOA,  
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., JP. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K.  
(Jambangan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., SSRJ, P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMED ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasik  
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).



Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

- „ TUAN MOHD. ZIHIN BiN MoHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN'NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KUINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., **J.P.** (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU-SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasar Puteh).

TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar-

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbakasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 17hb November, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
perkerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

SURUHANJAYA SELATAN-  
SELATAN—PENCAPAIAN

**1. Dato' Haji Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah yang boleh didapati oleh negara Malaysia apabita Suruhanjaya Selatan-selatan yang ditubuhkan dalam persidangan negara-negara berkecuali baru-baru ini menjalankan kegiatannya.

20-12-1986

10. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah sumbangan wang Malaysia kepada Suruhanjaya Selatan-selatan; pada peringkat permulaan dan dalam masa lima (5) tahun ini; dan
- (b) nyatakan apa faedah yang Malaysia dijangka mendapati dari pertubuhan Suruhanjaya Selatan-selatan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini

bersama soalan Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada 20hb November, 1986 kerana kedua-dua soalan ini adalah bertujuan sama.

Malaysia tidak mengharapkan faedah secara langsung daripada usaha dan pencapaian Suruhanjaya Selatan. Sebagaimana yang pernah saya terangkan, salah satu tujuan penubuhan Suruhanjaya Selatan ialah untuk memajukan kerjasama ekonomi Selatan-selatan melalui penggunaan maksima potensi, dengan izin, complementarities, dalam ekonomi Selatan. Dengan tercapainya ini, Malaysia akan mendapat faedah secara tidak langsung oleh kerana ia dapat menumpukan perhatian kepada projek-projek yang belum terdapat di dalam negara-negara membangun bagi mengelakkan persaingan.

Suruhanjaya Selatan akan membuat syor untuk mengurangkan pergantungan ekonomi Selatan kepada Utara. Ianya juga berhasrat memajukan konsep saling membantu dan bekerjasama secara kolektif di kalangan negara membangun. Ini bertujuan supaya negara-negara membangun di Selatan termasuk Malaysia dapat dengan secara sendiri ataupun secara kolektif berdikari dalam usaha-usaha pembangunan dan tidak bergantung kepada negara maju di utara sahaja.

Inisiatif dan sumbangan Malaysia untuk menubuhkan Suruhanjaya Selatan ini hanyalah untuk memaju dan memperkukuhkan kerjasama Selatan-selatan dalam konteks krisis ekonomi dunia masakini. Andainya

Suruhanjaya Selatan mencapai matlamatnya, ini akan mungkin membantu mewujudkan satu Orde Baru Ekonomi Antarabangsa yang diharapkan akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi semua negara-negara membangun. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa usaha-usaha Suruhanjaya Selatan-selatan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dunia masakini dan membentuk Orde Baru Ekonomi Antarabangsa akan membawa faedah kepada semua negara-negara membangun termasuk Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa buah negarakah yang menduduki ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Selatan-selatan ini, itu yang pertama. Yang keduanya, sejak wujudnya Suruhanjaya Selatan-selatan ini yang telah ditubuhkan, bagaimana perkembangan sehingga kepada hari ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya tegaskan di sini bahawa Suruhanjaya Selatan-selatan adalah satu badan yang bebas yang tidak ada kaitannya dengan Kerajaan, tetapi hanya mendapat restu daripada Kerajaan-kerajaan Negara-negara di Selatan. Pada masa ianya dilancarkan, iaitu di Harere, ianya telah pun mendapat sokongan dari Persidangan Negara-negara Berkecuali yang mana anggotanya lebih daripada 100 buah negara. Ini adalah satu perkembangan yang sihat kerana dengan ini jelaslah bahawa Suruhanjaya Selatan-selatan sungguhpun ianya satu badan yang bebas, tetapi pasti akan mendapat sokongan dan kerjasama dari kebanyakan negara-negara di Selatan.

Buat masa ini kita telah pun bersetuju dengan Pengerusi Suruhanjaya ini iaitu bekas Presiden

Tanzania, iaitu Dr Julius Nyerere, beliaulah yang mempengerusikan Suruhanjaya ini dan jumlah ahli-ahli Suruhanjaya ini sedang difikirkan dan ada kemungkinan ianya akan dianggotai oleh lebih kurang 21-25 orang pakar-pakar ekonomi di Selatan dan ianya sedang disenaraikan pada masa ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, tentang sama ada Suruhanjaya Selatan-selatan ini telah membincangkan mengenai garis panduan, ataupun terms of reference, dengan izin, yang hendak digunakan dalam perbincangan-perbincangan mereka; dan kedua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tentang apakah pendekatan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Selatan-selatan ini untuk menghadapi isu seperti isu kemiskinan yang dialami oleh negara-negara dunia ketiga ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, terms of reference ini akan ditentukan oleh Presidennya dan juga anggota-anggota Suruhanjaya tersebut yang akan dipilih nanti. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dr Mahathir dahulu telah pun menyediakan satu draf terms of reference dan draf terms of reference ini sudah pun diserahkan kepada Dr Julius Nyerere untuk pandangan beliau. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad akan dibuat oleh Suruhanjaya itu apabila ianya ditubuh dengan rasminya kelak. Sudah tentulah salah satu perkara yang akan ditumpukan oleh Suruhanjaya ini adalah soal mengatasi kemiskinan dan juga isu-isu pembangunan di Selatan. Ini kita terpaksa menunggu sehingga ianya dirangka kelak.

## KESIHATAN/PERUBATAN DI LUAR BANDAR—KEMUDAHAN

2. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, dalam penyediaan bagi Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan telah meneliti semula secara terperinci dan menyeluruh tahap kesihatan dan keperluan penduduk-penduduk di luar bandar dan di kawasan-kawasan terpencil di seluruh negara. Berdasarkan kepada kajian ini, Kementerian telah mencadangkan beberapa projek baru mempertingkatkan lagi mutu dan tahap perkhidmatan kesihatan dan perubatan bagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada, supaya seimbangan dengan keperluan perkhidmatan kesihatan untuk penduduk-penduduk di luar bandar.

Justeru itu, Kementerian telah merancang untuk pelaksanaan sebanyak 40 buah Pusat Kesihatan (Pusat Kesihatan Besar), 55 buah Pusat Kesihatan Fasa 1 (Pusat Kesihatan Kecil) dan 32 buah Pusat Kesihatan Kecil diperbesarkan atau dinaiktarafkan kepada Pusat Kesihatan Besar. Kementerian juga telah menyokong pelaksanaan bagi 226 buah Klinik Desa termasuk Klinik Desa Peringkat I bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan menaiktarafkan 103 buah lagi Klinik Bidan kepada Klinik Desa.

Di dalam tahun 1986 sahaja, kelulusan peruntukan telah pun diperolehi untuk mula pelaksanaan/pembinaan bagi sebuah Pusat Kesihatan (Pusat Kesihatan Besar), 5 buah Pusat Kesihatan Fasa 1 (Pusat

Kesihatan Kecil), 2 buah Pusat Kesihatan Kecil untuk diperbesarkan atau dinaiktarafkan kepada Pusat Kesihatan Besar, 31 buah Klinik Desa dan 3 buah Klinik Bidan dinaiktarafkan kepada Klinik Desa.

Bagi tahun 1987 pula, peruntukan telah diluluskan untuk mula pelaksanaan atau pembinaan bagi 22 buah Pusat Kesihatan (Pusat Kesihatan Besar), 25 buah Pusat Kesihatan Fasa 1 (Pusat Kesihatan Kecil), 8 buah Pusat Kesihatan Kecil untuk diperbesarkan atau dinaiktarafkan kepada Pusat Kesihatan Besar, 71 buah Klinik Desa dan 20 buah Klinik Bidan dinaiktarafkan kepada Klinik Desa.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika boleh, Pusat Kesihatan Kecil yang telah disebutkan tadi boleh diletakkan juga di dalam ladang-ladang yang kita adakan di seluruh negara kita oleh kerana dengan kemerosotan pasaran untuk komoditi, pihak majikan perladangan telah pun mengurangkan semua kemudahan asas kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang tersebut dan saya harap pihak Kerajaan boleh mengambil perhatian di atas kesulitan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Pusat-pusat Kesihatan ini adalah pembangunan dan kemudahan tetap bukan untuk menghadapi keadaan kemerosotan ekonomi sahaja. Tetapi apa juga Pusat Kesihatan dibina di kawasan-kawasan luar bandar ada juga diambil kira keperluan bagi pekerja-pekerja ladang. Malangnya setakat ini kita tidak dapat menempatkan Pusat-pusat Kesihatan ini di dalam ladang-ladang kerana ladang-ladang itu adalah harta swasta. Tetapi di mana yang perlu atau di mana terdapat kawasan estet yang mempunyai penduduk-penduduk yang

cukup untuk mewajibkan atau memerlukan Pusat Kesihatan di situ, perkara itu boleh ditimbang juga.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandu kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beberapa buah Pusat Kesihatan Kecil dan Pusat Kesihatan Besar akan ditubuhkan bagi mempertingkatkan kemudahan kesihatan bagi penduduk-penduduk kawasan luar bandar. Jadi di sini saya ingin tahu selain daripada Pusat-pusat Kesihatan tadi, berapa banyak pula hospital-hospital akan didirikan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya dalam Rancangan Malaysia Kelima dan bagaimana pula perhatian Kementerian berkenaan bagi daerah-daerah yang belum ada hospital?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal adalah mengenai Pusat Kesihatan. Tetapi walau bagaimanapun, saya dapat menyatakan bahawa tujuan Kementerian adalah untuk mewujudkan kemudahan Hospital Daerah seberapa yang boleh di setiap daerah pentadbiran di negara kita. Di Sabah dan Sarawak, perkiraan kita untuk nisbah Hospital Daerah kepada penduduk atau kawasan-kawasan pentadbiran adalah lain sedikit oleh kerana komunikasi yang begitu rumit.

### TEMPAT IBADAT ORANG BUKAN ISLAM

**3. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan dasar Kerajaan terhadap pembinaan tempat-tempat ibadat orang-orang bukan Islam dan setakat mana orang-orang bukan Islam boleh menikmati kebebasan untuk mendirikan tempat-tempat ibadat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang

tnempunyai masyarakat majmuk, kita mempunyai dasar yang memberi kebebasan kepada penduduk-penduduknya memilih dan mengamalkan apa-apa agama yang difikirkan sesuai dengan diri masing-masing. Oleh itu dari segi pembinaan rumah-rumah ibadat, Kerajaan tidak menyekat mana-mana golongan bukan Islam untuk mendirikan rumah-rumah ibadat masing-masing. Walau bagaimanapun, pemberian kebebasan ini hendaklah disesuaikan dengan keperluan perundangan dan piawaian sesuatu penguasa tempatan di mana rumah ibadat tersebut hendak didirikan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini setakat hari ini, berapa buahkah kuil Hindu ataupun tokong Cina yang didirikan di atas tanah Kerajaan yang dirobuhkan oleh pihak Kerajaan?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi angka yang sebenar, saya minta notis.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bagaimanakah kedudukan tentang pembinaan atau kebebasan membina tempat-tempat ibadat bagi orang-orang yang bukan Islam bila mana terdapat di dalam pelan-pelan struktur bandaraya-bandaraya dan bandar-bandar besar di dalam negara ini yang menyekat kebebasan untuk menggunakan hak kebebasan agama bukan sahaja dari segi menganuti agama-agama yang bukan Islam tetapi juga dari segi membina tempat-tempat ibadat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa penyekatan ini yang dikenakan melalui pelan-pelan struktur akan ditarik balik dan kebebasan diberi semula kepada penganut-penganut yang bukan Islam?



**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi, untuk mendirikan rumah ibadat yang bukan Islam itu adalah tertakluk kepada piawaiian bagi tiap-tiap penguasa tempatan. Jadi Kerajaan tidak dapat campur tangan dalam satu-satu syarat yang dikenakan oleh satu-satu badan yang ada identitinya sendiri. Kalau sekiranya sesebuah tempat ibadat itu didirikan di tempat di bawah kekuasaan Majlis Daerah, maka syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis Daerah itu terpaksa kita patuhi. Seperti juga kalau kita mendirikan sesuatu tempat ibadat ini di sesuatu bandar maka syarat-syarat yang dikenakan oleh perbandaran itu mestilah dituruti.

#### MASALAH PERKAUMAN

**4. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah perkauman yang disebabkan oleh dasar-dasar Kerajaan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menegaskan bahawa sebenarnya dasar-dasar Kerajaan bukanlah menjadi sebab-musabab terhadap masalah perkauman dalam negara ini. Setiap dasar Kerajaan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mencapai matlamat perpaduan kaum di negara. Perlu saya menegaskan juga bahawa semua dasar-dasar negara yang penting telah digubal dan dilaksanakan oleh Kerajaan setelah dibincang dan dipersetujui bersama terlebih dahulu oleh semua wakil kaum yang terbesar di negara ini.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada beliau sedar atau tidak bahawa di negara kita terdapat ataupun ada terdapat

setengah individu ataupun golongan yang tidak memahami dasar Kerajaan ataupun tidak mahu memahami dasar Kerajaan? Dan sama ada Yang Berhormat sedar ataupun tidak bahawa ada juga terdapat setengah individu ataupun golongan yang sengaja menyeleweng hasrat dasar Kerajaan yang sebenarnya. Jika Yang Berhormat sedar, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini rancangan tindakan yang akan diambil terhadap individu ataupun golongan yang serupa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Soalan yang pertama, tidak payah jawab. Yang hujung soalan itu bolehlah—"apakah tindakan Kerajaan terhadap orang-orang begini?"

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana terdapat seseorang ataupun kumpulan warganegara Malaysia yang sengaja menyeleweng ataupun tidak mematuhi kehendak ataupun dasar yang telah diubahsuai atau digubal oleh Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat di Malaysia ini, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar, punca masalah perkauman dalam negara ini adalah terdiri daripada atas parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan juga parti Tuan (Timbalan) Speaker, parti MIC (*Tepuk*) dan parti-parti yang perkauman. Adakah . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . . . Kerajaan bercadang hapuskan ketiga-tiga parti ini terus?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, soalan itu terkeluar, tidak payah jawab (*Tepuk*).

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan bersetuju bahawa istilah "bumiputera" dan "bukan bumiputera" merupakan satu punca utama mengapa terdapat polarisasi kaum, dan adakah Kerajaan merancang untuk menggugurkan istilah ini, dan kalau tidak, adakah ini bermakna bahawa kesemua komponen parti Barisan Nasional telah menerima hakikat ini, terutamanya parti MCA, GERAKAN dan MIC? (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah jawab,

#### UNIT AGAMA DI JABATAN PEGUAM NEGARA

**5. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan satu unit agama dalam Jabatan Peguam Negara untuk mengendalikan hal-hal undang-undang yang bersangkutan dengan Islam yang semakin meningkat pada masa sekarang ini. Unit ini amat perlu kerana perkembangan terakhir sangat menggalakkan dan memerlukan satu penylarasan supaya tidak ada apa-apa pertembungan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul AJib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, Kerajaan belum ada cadangan untuk menubuhkan satu unit Agama di Jabatan Peguam Negara bagi mengendalikan kerja-kerja penylarasan semua hal-hal undang-undang yang bersangkutan dengan agama Islam. Penyusunan sedia ada di mana seorang Pegawai Kanan di Jabatan Peguam Negara di

pertanggungjawabkan mengawasi penylarasan undang-undang Islam didapati mencukupi. Keadaan ini akan dikaji dari masa ke semasa.

#### PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA-CHINA

**6. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan secara terperinci tindakan berikutnya bagi memajukan perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan Negeri China berikutan lawatan Perdana Menteri ke Negeri China dalam bulan November 1985. Apakah ketidakseimbangan perdagangan di antara Negeri China dan Malaysia. Adakah Kerajaan akan menarik balik had perjalanan yang dikenakan terhadap peniaga-peniaga Malaysia yang memohon kebenaran pergi ke Negeri China untuk menjual hasil-hasil mereka atau mencari peluang-peluang pelaburan, jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Klat):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa tindakan susulan telah diambil bagi menambahkan perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (RRC) berikutan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara tersebut dalam bulan November 1985. Antaranya Kerajaan telah melonggarkan sekatan perjalanan terhadap pedagang-pedagang Malaysia yang ingin melawat RRC untuk tujuan ekonomi dan perdagangan. Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan juga telah menghantar berbagai misi termasuk misi teknikal dan ekonomi; kewangan dan perdagangan ke RRC. Sementara itu, Kerajaan Malaysia dan RRC juga sedang mengadakan rundingan perjanjian perdagangan, untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, imbalan perdagangan Malaysia—RRC sentiasa menguntungkan RRC. Defisit perdagangan Malaysia dengan RRC dalam tahun 1985 ialah M\$223.7 juta di mana import negara dari RRC berjumlah M\$622.4 juta berbanding dengan eksport negara ke RRC sebanyak M\$398.9 juta. Bagi tujuh bulan pertama tahun ini, eksport negara ialah M\$223.1 juta berbanding dengan import sebanyak M\$381.1 juta, menjadikan defisit kepada Malaysia sebanyak M\$158 juta.

Mengenai had perjalanan yang dikenakan ke atas warganegara Malaysia yang ingin melawat negara-negara komunis termasuk RRC, seperti saya terangkan tadi, kelonggaran telah pun diberikan kepada para pedagang dan pengusaha untuk membuat lawatan ekonomi dan perdagangan ke RRC sama ada secara perseorangan ataupun secara kumpulan. Pihak swasta yang pernah menyertai rombongan perdagangan rasmi ke RRC juga diberi kebenaran membuat lawatan susulan, setengah-setengahnya diberikan kebenaran melawat berkali-kali.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan bahawa imbalan pembayaran di antara RRC dan Malaysia berfaedah kepada RRC. Maka soalan saya ialah apakah kemajuan telah dicapai oleh Kementeriannya untuk menggalakkan eksport bahan-bahan utama seperti kayu, gas asli, getah, lada, minyak dan sebagainya kepada RRC supaya membetulkan kelemahan ketidakseimbangan ini?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat yang berkenaan tahu, tiap-tiap tahun Kementerian saya telah menghantar satu rombongan perdagangan ke RRC mulai tahun 1979 kecuali pada tahun 1985 di mana satu rombongan

perdagangan telah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, pada tahun 1985 Kementerian saya ada menyertai ASPAF (Asia Pacific Trade Fair) di Beijing. Pada tahun ini misi yang dijadualkan pada bulan November telah ditunda ke April 1987. Saya harap misi itu juga boleh menjual barang-barang negara kita ke negara China.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, selama kita mengadakan perhubungan dagangan dengan negeri China, berapa ramaikah ahli-ahli peniaga kita yang telah pergi melawat ke negara China dan berapa ramaikah antara mereka yang berniaga untuk menjual barangan kita dan berapa ramaikah yang pergi untuk melabur di sana, jika ada? Berkenaan dengan penarikan balik had perjalanan itu, berapa ramaikah yang telah didapati had penarikan itu dikenakan ke atas mereka sejak tahun 1985?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, soalan begitu perlu notis.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat sedar walaupun dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kelonggaran-kelonggaran telah diberi untuk menyenangkan perjalanan bagi ahli-ahli perniagaan kita ke negeri China, tetapi sepertimana yang pernah saya sebut di dalam Dewan ini, walaupun kita mempunyai perhubungan diplomatik dengan negeri China, masa untuk mendapatkan visa ataupun kelulusan daripada Kerajaan untuk seseorang itu melawat ke negeri China memakan masa yang panjang, kadang-kadang di antara 3 ke 4 bulan atau lebih daripada itu. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk

menentukan supaya permohonan-permohonan untuk mendapatkan visa oleh peniaga-peniaga daripada Malaysia ini akan dapat dipercepatkan.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa cukai import yang dikenakan oleh Negara China ini terhadap minyak sawit yang diimport daripada Malaysia ialah lebih kurang 30%, sedangkan minyak sawit yang diimport daripada Malaysia melalui Singapura ialah hanya 20%. Jadi apakah tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya tidak ada perbezaan cukai import yang dikenakan oleh Negara China tersebut.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan tambahan pertama, visa itu bukan satu perkara di bawah Kementerian saya, itu di bawah Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Penjelasan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tetapi Kementerian saya selalu periksa sama ada lawatan ke negeri China itu betul atau tidak betul untuk perdagangan dan perindustrian.

Soalan yang kedua, pada masa sekarang rundingan untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan Malaysia/RRC masih lagi berterusan, kalau perjanjian itu ditandatangani, cukai import haruslah sama dengan cukai import negeri lain.

#### **PINJAMAN BANK KEPADA AHLI PERNIAGAAN**

**7. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan di dalam keadaan ekonomi yang kurang teguh sekarang

ini serta juga untuk menggerakkan perniagaan dan ekonomi secara aktif, mengapakah bank-bank perdagangan tempatan masih lagi keberatan untuk memberi pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat ataupun ahli-ahli perniagaan, oleh kerana tanpa pusingan aliran ringgit dalam pasaran tentunya ekonomi negara tidak mudah dapat dipulih dengan segera.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddln Chik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah beberapa kali memberitahu bank-bank perdagangan bahawa pemulihan ekonomi adalah juga bagi kepentingan mereka dan mereka telah digesa untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan dan mencari jalan serta cara untuk menolong mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan ini, Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat juga memahami bahawa bank-bank memberi pinjaman bukan sahaja wang mereka sendiri, tetapi juga sebahagian besar dari tabungan-tabungan atau simpanan-simpanan dari pelanggan-pelanggan mereka yang telah memberi kepercayaan kepada bank-bank ini. Tabungan-tabungan ini tidak bertambah secepat pertambahan permintaan untuk pinjaman, oleh kerana pendapatan tidak bertambah dengan cepat seperti dahulu disebabkan oleh kemelesetan ekonomi sekarang.

Walaupun nilai beryan pinjaman tidak meningkat sebanyak seperti yang biasa, Ahli Yang Berhormat diharap mengambil perhatian bahawa beryan pinjaman bagi 8 bulan pertama tahun ini ialah sebanyak \$3,000 juta sedangkan tabungan atau simpanan hanya sebanyak \$800 juta sahaja bagi bulan pertama tahun ini berbanding dengan \$2.4 billion ataupun \$2,400 juta di dalam jangka masa yang sama tahun lepas. Oleh kerana kurangnya

wang yang diterima maka bank-bank terpaksa mengurangkan berian pinjaman mereka dan menjadi bertambah teliti di dalam berian pinjaman menurut keutamaan atau sektor yang lebih berdayamaju.

Bank Negara telah pun menyalurkan mudahtunai berjumlah \$3,800 juta di dalam sembilan bulan pertama tahun ini untuk melonggarkan keadaan mudahtunai yang ketat. Dengan mengurangkan nisbah-nisbah rizab berkanun dan mudahtunai bank-bank perdagangan di dalam pertengahan bulan Oktober 1986, sebanyak \$1,000,000 kumpulan wang lagi telah disalurkan untuk berian pinjaman ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran):** Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir)*

#### PEKERJA MALAYSIA YANG DIBERHENTIKAN

**9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Buruh membutuhkan berapa ramaikah para pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan di dalam negara ini akibat daripada penutupan industri-industri atau syarikat-syarikat yang terjejas dengan kemelesetan ekonomi dan beri butir-butir setakat ini mengenai bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang diberhentikan kerja dan jenis industri dan syarikat yang terlibat. Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja tersebut dan sejauh manakah sambutan dari syarikat-syarikat berkenaan.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed);** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah pun dijawab di Dewan ini pada

3hb November baru lalu semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa perkara untuk menambah kepada jawapan yang telah diberikan itu.

#### PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN

**10. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sebab-sebab kenapa langkah Kerajaan Persekutuan mengambil alih Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) telah ditangguh untuk masa yang lama; dan
- (c) adakah Kerajaan telah mengambil keputusan tetap berhubung dengan Projek Hidro Elektrik Bakun dan sekiranya ada, minta terangkan secara lengkap.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, penangguhan dibuat adalah kerana kedua-dua belah pihak iaitu Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan masih tidak dapat bersetuju dengan syarat-syarat yang diminta; dan

Soalan yang kedua, Kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenai Projek Haidro Bakun. Apa yang telah dipersetujui setakat ini ialah pada prinsipnya sahaja.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini, apakah syarat-syarat yang tidak dapat persetujui di antara pihak Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan? Adakah wang gantirugi sahaja atau bentuk pembayaran ataupun apa-apa syarat, oleh kerana rakyat Sarawak masih menunggu supaya Kerajaan Persekutuan

menimbangkan taraf atau kadar pembayaran elektrik boleh diturunkan juga. Ini sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang menjadi masalah. Satunya bahagian wang sumbangan modal SESCO yang dibiayai oleh Kerajaan Sarawak dibayar balik kepadanya iaitu kepada Kerajaan Sarawak; dan

Yang kedua, baki sekiranya berlaku, baki wang pampasan yang belum dijelaskan sepanjang tempoh 5 tahun akan dikenakan faedah sebanyak 7.5%, iaitu pada kadar yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas pinjaman-pinjamannya kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Kerajaan Persekutuan telah tidak setuju dengan permintaan-permintaan tersebut, justeru itu Kementerian telah mengambil keputusan menanggukkan tangkai mengambil alih SESCO ini.

## RACUN MAKANAN (FOOD POISONESG)

**11. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada betiau sedar terdapat terlalu banyak kes peracunan makanan yang berlaku di negara ini akibat termakan makanan-makanan pakege dan tin dan sama ada beliau bercadang mempekenalkan peraturan yang memerlukan tarikh luput (shelf life) dicetak ke atas pakege-pakege dan tin-tin dengan tujuan mengurangkan bilangan kes-kes peracunan makanan di negara ini dan juga untuk memberi penggunaan-penggunaan pemulangan yang bernilai apabila mereka membeli barang-barang tersebut.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dari masa ke semasa ada berlaku kejadian kes-kes keracunan makanan (food poisoning). Tetapi daripada siasatan yang dibuat oleh Kementerian

Kesihatan terhadap kes-kes ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kebanyakan daripada kes-kes ini adalah disebabkan oleh termakan makanan-makanan dalam pakege ataupun dalam tin. Keperluan tarikh luput (shelf life) di atas 19 kategori makanan dalam pakege ataupun dalam tin telah pun dikuatkuasakan pada 1hb Oktober tahun ini dan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan memberitahu, selepas menguatkuasakan peraturan-peraturan tentang keperluan untuk mencatat tarikh luput ke atas jenis-jenis makanan dalam pakege dan tin, berapakah kes yang didapati oleh Kementerianya di mana pengilang-pengilang gagal untuk-mencatat tarikh luput itu dan sekiranya ada apakah beliau bercadang untuk mengarahkan supaya penguatkuasaan yang lebih ketat diadakan ke atas makanan-makanan dalam pakege dan tin ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini baharu sahaja dikuatkuasakan dan kita telah, memandang kepada keadaan ekonomi yang begitu rumit bagi pengeluaran-pengeluaran dan penjual-penjual makanan ini, membenarkan mereka menandakan tarikh luput di atas barangan-barangan yang sudah sampai ke atas shelf di kedai-kedai itu secara berperingkat-peringkat dan tidak dipanggil balik untuk meletakkan tarikh luput. Jadi, dalam keadaan seperti ini kita masih lagi membuat penyiasatan dan memberi nasihat, membantu dan sebagainya. Belum ada . . . . .

**Ttmbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Soalannya, adakah kes-kes.

**Dato' K. Pathmanaban:** Itulah yang saya hendak jawab, iaitu bclum ada apa jua tindakan dibawa ke

mahkamah. Tetapi dari 1hb Oktober, 1986 pengeluaran-pengeluaran barang-barang makanan yang terlibat adalah dikawal untuk menentukan bahawa pengeluaran sejak tahkh itu mempunyai tarikh luput.

**Tuan Ngol Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini, adakah pihak Kementerian beliau berupaya menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan tentang memastikan bahawa semua package-package dan tinton berbagai jenis makanan yang bertarikh luput dan berapa orangkah pegawai-pegawai penguatkuasa yang ada sekarang bagi pihak Kementerian dapat menjalankan tugas di luar bandar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pegawai-pegawai Kementerian saya bersama-sama dengan pegawai-pegawai kesihatan dalam kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan—Dewan Bandaran dan sebagainya menjalankan tugas penguatkuasaan. Malangnya, saya tidak bawa angka-angka mengenai jumlah pegawai-pegawai yang terlibat, tetap kita berupaya untuk menguatkuasakan perkara ini di kawasan-kawasan luar bandar dan di bandar-bandar juga.

#### ASEAN—PASARAN BERSAMA

**12. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah persetujuan dicapai oleh Malaysia dengan negara lain dalam ASEAN untuk menubuhkan satu pasaran usaha sama ASEAN (ASEAN Common Market). Apakah kebaikan dan keburukannya kita memasuki pasaran usaha sama ini, sudahkah Kerajaan menjalankan satu kajian menyeluruh dan secara terperinci mengenai perkara ini. Jika

ya, nyatakan ciri-ciri penting kajian tersebut dan jika tidak, mengapa. Apakah sikap negara maju dan yang sedang membangun terhadap pasaran usaha sama ini.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, belum terdapat kata sepakat ataupun persetujuan di antara negara-negara ASEAN untuk menubuhkan satu pasaran bersama ASEAN atau ASEAN Common Market. Idea ini merupakan salah satu daripada idea-idea yang dibincangkan oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Mesyuaratnya Yang Ke-18 pada 28hb-30hb Ogos tahun ini di Manila sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi kerjasama Ekonomi Pertubuhan Scrantau ini. Satu idea lagi ialah mengadakan "ASEAN Free Trade Area". Walau bagaimanapun, konsep "Common Market", "Free Trade Area" dan lain-lain bentuk integrasi Ekonomi Serantau perlu dikaji dengan lebih teliti lagi sebelum sebarang keputusan dibuat.

Oleh itu Mesyuarat Ke-18 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju supaya perkara ini dikaji. Setakat ini Jawatankuasa ASEAN mengenai Perdagangan dan Pelancongan sedang dalam peringkat menentukan pakar-pakar perunding yang sesuai bagi tujuan ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat tentu telah ketahui melalui akhbar-akhbar dan media massa, negara-negara maju seperti EEC, Jepun dan sebagainya memberi sambutan yang menggalakkan terhadap pengwujudan pasaran bersama ASEAN. Sebagai contoh, pihak EEC di Mesyuarat Ke-6 Menteri-menteri Luar ASEAN-EEC yang berlangsung pada 19hb-20hb Oktober 1986 di Jakarta baru-baru ini, telah mencarakan supaya ASEAN menubuhkan "Common Market" atau Pasaran Bersama ASEAN sebagai

pendorong untuk menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan dari negara-negara EEC.

**Tuan Mutang Tagal:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyentuh mengenai ASEAN Free Trade Area. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau dapat memberi ciri-ciri awal mengenai dengan ASEAN Free Trade Area ini.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa ciri-ciri awal itu.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa economic complementarities di antara negara ASEAN adalah pada tahap yang rendah memandangkan banyak barang yang dikeluarkan oleh negara-negara ASEAN adalah sama. Soalan saya, apakah prestasi usaha-usaha untuk mewujudkan complementarities yang tinggi di dalam pasaran bersama melalui projek motokar ASEAN, kilang urea dan lain-lain lagi yang dirancangan tidak berapa lama dahulu.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan tambahan ini tidak berkenaan dengan soal asal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ada berkaitan. (*Ketawa*)

**Dato Kok Wee Kiat:** Soalan tambahan ini ialah tentang ASEAN Common Market tetapi soalan Yang Berhormat yang berkenaan itu tentang projek-projek di ASEAN. Projek ini ialah untuk dijual di luar rantau ini, bukan untuk dijual di dalam rantau ASEAN.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(*Soalan No. 13 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(*Soalan No. 14 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir*)

## PESAKIT JIWA NG CHIN CHOON—KEMATIAN

**15. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kesihatan memberitahu keputusan penyiasatan ke atas seorang pesakit Jiwa Ng Chin Choon yang hilang dari Hospital Sakit Jiwa, Jalan Perak, Pulau Pinang pada 5hb Ogos 1986 dan 5 hari kemudian, dia didapati mati.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Encik Ng Tin Choon *alias* Ng Chin Choon adalah seorang pesakit jiwa yang telah beberapa kali dimasukkan ke Wad Sakit Jiwa, di Hospital Besar, Pulau Pinang. Pada 30hb Julai, 1986 iaitu tahun ini, beliau sekali lagi dimasukkan ke Unit Sakit Jiwa di hospital tersebut. Malangnya, pesakit ini terdapat mati di luar kawasan Hospital Sakit Jiwa di Jalan Perak itu pada 10hb Ogos, 1986.

Perkara ini telah pun dilaporkan kepada pihak Polis untuk siasatan lanjut dan, kerana itu, saya amatlah dukacita tidak dapat memberi butir-butir penyiasatan yang dijalankan oleh kita pada masa ini. Pihak Polis belum lagi menyelesaikan siasatan mereka.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya jumpa pihak berkenaan di Hospital Pulau Pinang mereka berjanji bahawa Kementerian Kesihatan akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat perkara ini, tetapi saya sangat terkejut oleh kerana Timbalan Menteri berkata perkara ini telah diserahkan kepada Polis. Saya ingin tahu apakah keputusan siasatan jawatankuasa



Kementerian Kesihatan, bukan siasatan Polis. Oleh kerana itu saya harap Timbalan Menteri boleh beri jawapan.

Soalan yang kedua iaitu mengapa apabila Encik Ng Chin Choon ini dimasukkan ke Wad Sakit Jiwa ini, keluarga beliau tidak diberitahu dan selepas kematiannya baru keluarganya diberitahu? Mengapa hospital itu nampaknya tidak bertanggungjawab?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak faham bahasa yang saya tuturkan tadi ataupun malangnya tidak dengar apa yang saya cakap. Saya telah katakan tadi bahawa kita telah menjalankan penyiasatan, tetapi malangnya saya tidak boleh pada masa ini mengeluarkan hasil laporan itu atau hasil penyiasatan itu oleh kerana siasatan Polis mengenai sebab kematiannya belum selesai lagi dan perkara ini akan menjejaskan siasatan dan keputusan di bawah Undang-undang mengenai kematian seseorang.

Mengapa keluarganya tidak diberitahu kemasukannya ke hospital, ini adalah senang sahaja. Beliau ini telah dibawa ke hospital lima kali dahulu sebelum kali yang akhir dan pada kali yang akhir, iaitu pada 30hb Julai, 1986 beliau dibawa ke hospital oleh pihak Polis bukan dibawa oleh keluarganya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

*(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir)*

#### LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

**17. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan reaksi Kerajaan terhadap usul dari Perhimpunan Betia Parti Bersatu Sabah yang diadakan pada bulan Ogos tahun ini, menuntut suatu

referendum diadakan untuk memastikan pilihan orang ramai terhadap status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun saya jawab pada 4hb November, 1986 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

#### NILAI RINGGIT MALAYSIA

**18. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa nilai ringgit Malaysia merosot di pasaran wang antarabangsa.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit ditentukan berdasarkan kepada kumpulan beberapa matawang negara yang menjadi rakan dagangan utama Malaysia. Oleh itu nilainya akan berubah dari semasa ke semasa selaras dengan permintaan di pasaran berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penerangan terperinci telah pun saya maklumkan di Dewan yang mulia ini di dalam jawapan kepada soalan yang sama bentuknya pada 6hb November, 1986 yang lalu dan saya tidak berhajat untuk menambah lebih daripada itu.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang sedang atau boleh diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kemerosotan nilai ringgit Malaysia di pasaran wang antarabangsa dan apakah kedudukan ringgit Malaysia jika dibandingkan dengan matawang negara-negara jiran khususnya dalam ASEAN?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan pada 6hb November, 1986—barangkali Ahli Yang Berhormat tidak datang pada hari itu apabila keadaan ekonomi kita

bertambah baik maka nilai wang kita secara otomatis akan bertambah baik. Malangnya pada hari ini saya tidak ada membawa angka-angka perbandingan antara nilai wang kita dengan nilai wang di ASEAN sebab inipun telah dijawab dahulu. Jadi seperti saya katakan tadi, saya tidak hendak menambah apa-apa lagi.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman**

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengesan jawapan yang lalu-lalu mengenai soalan yang sama, saya harap soalan tambahan ini adalah menjadi sebab untuk jawapan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh mana gara-gara membawa wang keluar merupakan sebab yang memberi tekanan yang serius terhadap nilai ringgit Malaysia. Itu yang pertama.

Yang keduanya, mengapa mereka membawa wang ringgit itu keluar? Saya hendak bertanya menurut pengamatan Menteri Kewangan, siapa dia yang membawa duit itu keluar, sama ada daripada kumpulan korporate ataupun individu? Dan sejauh mana pula gara-gara membawa duit keluar itu merupakan satu tekanan yang serius bukan sahaja kepada nilai ringgit Malaysia bahkan kepada ekonomi negara kita?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, ada empat soalan tambahan. Saya jawab yang ktempat dahulu—takut tidak sempat. Mengenai gara-gara menyebabkan kemerosotan ekonomi sebab bawa wang keluar, ini tidak melumpuhkan ekonomi kita malah hari semalam dalam akhbar kalau tidak silap saya telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Berkenaan dengan siapa yang membawa wang itu keluar, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya jumlahnya

sedikit, kita tidak tahu sebab negara kita ini mengamalkan ataupun membolehkan seseorang membawa wang dengan bebas dan kalau ianya kurang daripada \$1 juta, dia hanya memerlukan permintaan daripada bank perdagangan. Jadi siapa yang membawa, saya tidak dapat memberi nama seseorang dan kalau perlu, mungkin tulis kepada saya dan boleh saya jawab secara bertulis.

Mengapa dibawa keluar—soalan kedua—ini banyak sebab-sebabnya Tuan Yang di-Pertua. Satu daripadanya iaitu kerana dia hendak menyimpan di luar barangkali ataupun dia melancong dan dia hendak membeli barang-barang di luar. Ini tertakluk kepada berapa banyak dia bawa dan mungkin ada yang membawa keluar wang itu atas sebab-sebab tersendiri termasuk membuat petaburan dan sebagainya di tempat-tempat lain. Jadi, ada banyak sebab mengapa seseorang itu membawa wang keluar daripada negara kita. Kalau dimaksudkan sama ada meika itu membawa keluar sebab kurang percaya kepada kita, saya rasa itu tidak timbul sebab saya sendiri tahu bahawa yang membawa keluar itu tidaklah banyak seperti dikhuatiri.

Berkenaan dengan yang pertama tadi, ke mana wang ini dibawa keluar, saya tidak ingat, sebab ianya banyak sangat.

**Tuan Abdul Ghanl bin Othman:** Sama ada ia menjadi sebab kepada tekanan terhadap nilai ringgit kita.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi adalah lebih kurang dengan soalan yang keempat—sama ada ia menjejaskan ekonomi atau sama ada ini menurunkan nilai wang kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pembawaan keluar wang ini tidak menjejaskan sangat dari segi nilai, tetapi nilai yang turun ini sebenarnya adalah

disebabkan oleh ekonomi. Untuk makluman, saya pun berasa tidak sedap juga tidak menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi. Sebenarnya dibandingkan dengan Singapura nilai ringgit kita hanya turun lebih kurang 4% sahaja.

Tentang ini menjejaskan kedudukan dari segi penurunan ekonomi kita, jawabnya tidak, tetapi ingin saya memberikan makluman kepada Ahli Yang Berhormat dari Ledang bahawa kita tahu secara menyeturuh tetapi tidak tahu secara tepat berapa banyak yang dibawa, yang dibawa masuk balik pun ada ke Malaysia. Dalam masa sebulan ada juga wang ini dibawa balik melalui Johor, misalnya, bulan lepas ada \$2 juta melalui Johor, berbanding dengan keluar lebih sedikit daripada itu.

**Tuao Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Teoh Teck Huat.

*(Soaian No. 19 Y.B. Tuan Teoh Tech Huat tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga minit lagi, kalau tak silap saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, tidak, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 13, 14, 16 dan 19 adalah diberi di bawah ini).*

#### PENCEMARAN UDARA KILANG-KILANG SIMEN

**8. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alanj Sekitar menyatakan sama ada beliau sedai

bahawa pencemaran udara oleh kilang-kilang simen bertambah buruk, jika sedar:

- (a) beberapa kilang simen didapati mencemarkan udara sejak undang-undang mencegah pencemaran udara dikuatkuasakan, dan sebutkan nama kilang tersebut;
- (b) tindakan terhadap mereka; dan
- (c) syarat-syarat dan alat-alat pencegah ditentukan oleh Kerajaan untuk menjamin kejadian tersebut tidak diulangi.

#### Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Heng Deng):

- (a) Saya sedar bahawa kilang-kilang simen boleh menyebabkan pencemaran udara, tetapi saya tidak sedar ianya bertambah buruk. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dikuatkuasakan pada tahun 1978. Bilangan aduan yang diterima terhadap kilang-kilang simen telah pun berkurangan iaitu dari 10 aduan dalam tahun 1977 ke hanya 3 dalam tahun 1985. Tiada sebarang aduan diterima dalam tahun ini.
- (b) Soalan ini tidak timbul. Namun demikian, apabila terdapatnya sebarang aduan, penyiasatan dijalankan serta kerja pengawasan untuk kawasan-kawasan sekitar kilang-kilang simen. Adalah didapati bahawa kilang-kilang simen yang disiasat telah mematuhi had-had pelepasan yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan.
- (c) Syarat-syarat yang dibuat di bawah Peraturan-peraturan Udara Bersih 1978 dan alat-alat

kawalan telah ditentukan iaitu had pelepasan abuk dari tanur simen bagi semua kilang simen tidak dibenarkan melebihi 0.2 gram dalam tiap-tiap satu meter padu, dan bagi kilang-kilang yang dibina selepas 1hb Oktober 1978, had pelepasan untuk kemudahan-kemudahan lain seperti penyejuk dan klinker tidak dibenarkan melebihi 0.1 gram dalam tiap-tiap satu meter padu.

Kilang simen juga dikehendaki membina cerobong yang cukup tinggi supaya penyelerakan pencemar berlaku dengan sempurna. Selain daripada itu, alat kawalan abuk yang berkesan seperti "electrostatic precipitator" dan beg penapis dikehendaki dipasang di semua kilang.

#### **PERBELANJAAN PERJALANAN MENTERI/TIMBALAN MENTERI**

**13. Tuan Gooi Hock** Seng minta Menteri Kewangan menyatakan perbelanjaan bagi perjalanan oleh Menteri dan Timbalan Menteri semasa melawat di dalam negeri antara masa 24hb Julai, 1986 ke 3hb Ogos, 1986 dan sebab-sebab perjalanan tersebut.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Perbelanjaan bagi perjalanan-perjalanan dalam negeri oleh Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang dibuat di antara tarikh 24hb Julai hingga 3hb Ogos, 1986 berjumlah \$105,028.83 sen iaitu \$64,151.21 sen bagi Menteri-menteri dan \$40,877.62 sen bagi Timbalan-timbalan Menteri. Perbelanjaan ini adalah bagi bayaran penginapan/loging, makanan/sara hidup, pengangkutan dan lain-lain seperti bayaran dobi, cukai lapangan terbang dan sebagainya. Perjalanan-perjalanan tersebut adalah bagi tujuan-tujuan rasmi seperti upacara

perasmian, kursus sivik, majlis dailog, perjumpaan dengan rakyat dan lawatan ke projek-projek pembangunan.

#### **PEMASARAN HARGA TANAMAN**

**14. Datuk Haji Sakaran bin Dandal** minta Menteri Pertanian menyatakan bolehkah beliau memberitahu usaha-usaha Kementerian Pertanian yang telah dijalankan untuk mencari pasaran-pasaran yang boleh membantu dan membolehkan keadaan pemasaran petani-petani yang sedang mengalami kemerosotan harga tanaman kelapa, kelapa sawit, getah dan lain-lain tanaman di seluruh negara.

**Menteri Pertanian (Datuk Serl Sanusi bin Junid):** Secara keseluruhannya, kemerosotan harga tanaman-tanaman dalam negeri seperti kelapa, kelapa sawit dan getah adalah disebabkan oleh keadaan permintaan yang lemah di kalangan negara-negara maju yang merupakan negara-negara pengimport utama bagi komoditi-komoditi tersebut. Misalnya bagi tanaman kelapa, harga minyak kelapa di pasaran antarabangsa pernah jatuh ke paras yang amat rendah iaitu kira-kira US\$200 setan metrik pada tahun ini disebabkan pertambahan pengeluaran di negara-negara pengeluar dan juga persaingan hebat dari pengeluaran minyak-minyak lain yang boleh ditukarguna, misalnya kacang soya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk memperluaskan pasaran antarabangsa bagi tanaman-tanaman yang sedang mengalami kemerosotan harga. Berhubung dengan ini, beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) menghantarkan misi-misi perdagang dan teknikal ke luar

negeri untuk memperkukuhkan pasaran tradisional dan menembusi pasaran bam khususnya bagi getah dan kelapa sawit;

- (ii) menyediakan kemudahan dan infrastruktur untuk membantu pengeksporth-pengeksporth menjalankan urusan mereka seperti penyediaan kemudahan kredit, penerbitan majalah/risalah dan penubuhan pusat penempahan perkapalan (Freight Booking Centre) bagi memudahkan urusan perkapalan.
- (iii) memesatkan lagi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan untuk memperluaskan bidang penggunaan dan juga menggalakkan aktiviti pemprosesan lanjut bagi tanaman-tanaman tersebut.
- (iv) mengadakan perundingan dengan Kerajaan negara-negara asing untuk mengatasi halangan-halangan perdagangan. Umpamanya, minyak kelapa sawit dari Malaysia dikenakan duti import yang tinggi oleh beberapa negara seperti kesatuan negara-negara Eropah, Republik Rakyat China dan Thailand. Iran pula enggan membeli minyak kelapa sawit untuk tujuan pemakanan. Kerajaan akan terus mengadakan rundingan dengan negara-negara berkenaan untuk mengatasi masalah tersebut. Negara Jepun telah menghapuskan manakala Republik Korea telah mengurangkan duti import ke atas minyak kelapa sawit hasil daripada rundingan di peringkat Kerajaan yang telah diadakan.

Selain daripada itu, dalam usaha menstabilkan harga tanaman-tanaman utama di pasaran dunia,

Malaysia telah menyertai dan menimbul peranan yang aktif dalam beberapa badan/perjanjian antarabangsa seperti Perjanjian Getah Antarabangsa dan Asian and Pacific Coconut Community. Di samping itu, negara-negara pengeluar lain telah digesa supaya bekerjasama dan menghindar dari mengamalkan dasar-dasar perdagangan yang tidak adil termasuk potongan harga luar biasa dan penggunaan subsidi dan "concession" yang keterlaluan untuk menjamin kepentingan semua negara-negara pengeluar.

#### **KEKERASAN POLIS— TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

**16. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dapatkah Kementerian ini mengambil langkah-langkah yang serta merta dalam menentukan kekerasan yang digunakan oleh polis tidak lagi berulang sepertimana yang dilaporkan oleh orang awam seperti tembak-menembak dan membunuh orang awam yang tidak bersenjata dan memukul orang tahanan sama ada di lokap Polis ataupun di khalayak ramai. Nyatakan sama ada latihan polis di Pengkalan Polis adalah lengkap untuk menjadikan polis itu penjaga undang-undang sewaktu menjalankan tugas-tugas kelak.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Kejadian-kejadian seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya jarang sekali berlaku. Apabila kejadian-kejadian demikian berlaku, tindakan tegas di sisi undang-undang diambil terhadap anggota Polis yang didakwa terlibat. Tindakan yang diambil ialah sama ada mendakwa mereka di Mahkamah ataupun mengenakan tindakan tatatertib.

Latihan yang diberi kepada anggota-anggota Polis adalah lengkap dan mencukupi. Selain dari latihan

asas yang dimestikan semasa mula berkhidmat dalam Pasukan, anggota Polis juga diberi kursus dalam perkhidmatan serta tunjuk ajar dari pegawai atasan dari semasa ke semasa. Usaha-usaha ini dibuat dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi dan profesionalisma anggota-anggota Polis kita.

### PERSIDANGAN PATA— PERBELANJAAN

**19. Tuan Teoh Teck Huat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah perbelanjaan bagi menganjurkan persidangan PATA di Kuala Lumpur dan juga memberi pecahan perbelanjaan untuk tiap-tiap satu aktiviti dan majlis.

24-11-1986

**17. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kesan-kesan positif yang dapat dinikmati oleh negara dengan berlangsungnya Persidangan Perwakilan Pelancongan Pacific-Asia (PATA) di Kuala Lumpur tidak lama dahulu. Apakah tindakan susulan Kerajaan untuk mempertingkatkan kemajuan industri Pelancongan di negara ini.

27-11-1986

**5. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peserta dan pelancong yang menghadiri Persidangan PATA di negara kita baru-bam ini. Nyatakan juga sejauh mana perkembangan yang dicapai dalam sektor pelancongan oleh negara kita selepas persidangan tersebut.

**Dato Kok Wee Kiat:** Soalan ini dan juga soalan-soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah

pada 24-11-86 dan oleh Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad pada 27-11-86 adalah mengenai Persidangan PATA. Oleh itu saya bercadang untuk menjawab ketiga-tiga soalan itu serentak pada hari ini.

Saya telah pun memberi keterangan mengenai perbelanjaan penganjuran Persidangan PATA 1986 semasa menjawab soalan yang serupa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 13hb Oktober, 1986.

Secara ringkas, jumlah yang telah dibelanjakan bagi menganjurkan Persidangan PATA 1986, PATA Travel Mart dan PATA Trade Show ialah Rgt. 7,467,953.79. Dari jumlah ini, sebanyak Rgt. 4.169 juta telah dibelanjakan untuk program penggalakkan yang lebih bertujuan bagi memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen utama di rantau ini di samping untuk menarik lebih ramai para delegasi bagi menghadiri Persidangan PATA 1986. Dengan itu, perbelanjaan yang dibuat khusus bagi menganjurkan ketiga-tiga aktiviti PATA tersebut di Malaysia ialah sebanyak Rgt. 3.299 juta.

Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah bertanya tentang kesan-kesan positif dari Persidangan PATA dan tindakan susulan Kerajaan untuk mempertingkatkan pelancongan di negara ini. Saya telah pun menghuraikan kesan-kesan positif Persidangan PATA 1986 semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam pada 7hb Oktober, 1986 dan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 13hb Oktober 1986. Pada kesimpulannya, penganjuran Persidangan PATA 1986 sesungguhnya telah pun menunjukkan kesan yang amat positif bukan sahaja ke arah meninggikan imej negara bahkan juga sebagai asas yang amat berguna kepada sektor swasta untuk

meneruskan usaha-usaha perniagaan mereka bagi meningkatkan lagi kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini.

Mengenai tindakan susulan Kerajaan untuk mempertingkatkan kemajuan industri pelancongan negara, perkara ini juga telah saya jelaskan semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam pada 7hb Oktober 1986. Secara ringkas, saya sukalah menegaskan di sini bahawa Kerajaan telah dan akan terus melipatgandakan usaha-usaha penggalakkan dengan lebih agresif menerusi penganjuran misi jualan pelancongan, program penggalakkan khas dan lawatan suaikenal untuk penulis-penulis pengembaraan dari luar negeri bagi membolehkan mereka itu menilai dan menghasilkan publisiti yang baik mengenai negara ini di semua pasaran-pasaran yang terpilih.

Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad bertanya jumlah peserta ke Persidangan PATA dan sejauh mana perkembangan yang dicapai berikutan Persidangan tersebut. Mengikut rekod pendaftaran, sejumlah 2,538 para delegasi telah menyertai Persidangan PATA 1986 dan PATA Travel Mart. Ini tidak termasuk 414 orang peserta lain yang menghadiri PATA Trade Show.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah terlalu awal bagi kita untuk mengukur sejauh manakah perkembangan yang dicapai dalam sektor pelancongan negara selepas Persidangan PATA. Ini adalah kerana "impact" sesuatu Persidangan PATA akan hanya dialami oleh sesebuah negara tuan rumah dalam tempoh masa satu atau dua tahun selepas Persidangan tersebut diadakan. Dalam masa yang sama "impact" sedemikian akan hanya diperolehi jika terdapat tindakan-tindakan susulan yang gigih dan berterusan dijalankan

terutama oleh sektor swasta di pasaran-pasaran pelancongan yang terpilih. Sungguhpun begitu sebagai negara tuan rumah, Malaysia telah pun mulai memperolehi kesan-kesan positif hasil penganjuran Persidangan PATA 1986 dari segi peningkatan kesedaran dan publisiti mengenai negara ini. Kesan baik ini adalah dijangka akan berterusan dan meningkat lagi di masa-masa hadapan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keempat*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi menyambung ucapan.

3.33 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, pada hari Khamis minggu lalu saya ada menegaskan bahawa satu plan induk untuk menempatkan semula industri-industri kecil di Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai lesen yang amat diperlukan. Di bawah pelan ini jika Kerajaan tidak berupaya

menyediakan kemudahan kilang yang baru untuk mereka, maka mereka hendaklah ditempatkan dan . . . . .

**Tuan P. Patto:** Tuan Pengerusi, Cokmar hendaklah diturunkan, sebab kita bersidang dalam Jawatankuasa (*Tepuk*).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengurusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.17 (Jadual)—*

*Maksud P.17 (Anggaran Pem-bangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Jemput Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi menyambung ucapan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Di bawah pelan ini, jika Kerajaan tidak berupaya menyediakan kemudahan kilang baru untuk mereka, maka mereka hendaklah ditempatkan di skim site and service, dengan izin, dalam tanah yang sesuai dalam bandaraya di mana pengusaha-pengusaha kecil boleh membina sendiri kilang mereka dan Kerajaan hanya membekalkan kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan letrik. Tapak tersebut boleh dijual atau disewakan pada kadar yang berpatutan.

Saya juga ingin menyeru Kerajaan menghentikan apa juga tindakan terhadap industri-industri kecil yang tidak mempunyai lesen sehingga satu pelan induk untuk mereka disiapkan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada butiran yang sama mengenai perumahan awam. Mengenai perumahan awam, saya ingin membangkitkan masalah kekurangan rumah kos rendah yang begitu teruk dalam Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat muka surat berapa?

**Tuan Tan Kok Wai:** Butiran 010000.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, muka surat berapa?

**Tuan Tan Kok Wai:** Muka surat 67, Pentadbiran mengenai Perumahan Awam di Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Mengenai perumahan saya ingin membangkitkan masalah kekurangan rumah kos rendah yang begitu teruk dalam Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan tidak boleh berbuat apa-apa tetapi terpaksa mengakui kekurangan rumah kos rendah untuk menampung keperluan yang begitu besar sekarang, sudah menjadi satu masalah yang sangat serius dihadapi oleh ribuan keluarga miskin dalam bandaraya ini.

Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya kepada soalan saya pada bulan lalu, memberitahu bahawa terdapat lebih daripada 45,000 keluarga dalam Kuala Lumpur yang memohon rumah kos rendah sejak beberapa tahun lalu tetapi malangnya sehingga ke hari ini mereka masih menunggu kerana ketiadaan rumah-rumah yang boleh menampung permintaan mereka.

Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan tidak mampu untuk memenuhi janjinya untuk menyediakan rumah kos rendah kepada pemohon-pemohon yang kian bertambah dalam tempoh yang akan datang atas berbagai sebab dan kekurangan wang bagi maksud ini adalah merupakan sebab yang utama.



Seperti yang telah diperingatkan oleh Wakil-wakil Rakyat atau Ahli Parlimen DAP pada masa-masa yang lalu bahawa masalah kekurangan rumah kos rendah dalam Kuala Lumpur akan bertambah buruk jika Kerajaan masih tidak mahu melaksanakan program yang komprehensif dan berkesan secara besar-besaran untuk mengatasi masalah itu. Ini merupakan satu hakikat sekarang bahawa masalah ini sudah menjadi begitu teruk dan Kerajaan tidak boleh melengah-lengahkan lagi tetapi mestilah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini dengan secepat secepat yang boleh.

Malahan saya dan rakan-rakan Ahli Parlimen dari kawasan lain dalam Wilayah Persekutuan sentiasa menerima tekanan oleh ratusan aduan terhadap kegagalan Kerajaan untuk membangunkan perumahan kos rendah. Aduan-aduan mengenai kekurangan rumah juga merupakan aduan yang terbanyak yang kami terima.

Saya rasa bahawa sudah sampai masanya bagi Kementerian bertindak balas dengan berbagai program yang baik bagi memenuhi permintaan keluarga-keluarga berpendapatan rendah yang meminta tempat perlindungan. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian berkenaan bahawa Kerajaan patut menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan Wilayah Persekutuan yang akan menjadi pihak berkuasa tunggal untuk menguruskan rumah kos rendah dalam Wilayah Persekutuan. Tugas Lembaga ini adalah untuk menjalankan perancangan, pelaksanaan, pengurusan, jualan, sewaan dan pertukaran semua rumah murah dalam Wilayah Persekutuan. Jabatan Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya akan diperluaskan untuk mengambil beberapa tugas Lembaga yang dicadangkan itu.

Tuan Pengerusi, saya harap cadangan saya akan diberikan pertimbangan dengan serius oleh Kementerian untuk kebajikan keluarga-keluarga miskin selaras dengan dasar pemilikan rumah.

Saya merasa simpati dengan keluarga-keluarga berpendapatan kecil yang terpaksa membelanjakan sebanyak 1/3 pendapatan mereka untuk membayar sewa rumah. Keadaan begini tidak terjamin kerana mereka sentiasa menemui berbagai masalah seperti kenaikan sewa rumah atau diusir keluar oleh tuan rumah.

Mengenai aspek pembangunan perumahan swasta dalam Kuala Lumpur, saya mencadangkan supaya Kerajaan mewajibkan kepada pemaju swasta supaya memperuntukkan sekurang-kurangnya 50% dari projek mereka, rumah kos rendah yang berharga \$25,000 ke bawah dan bukan lagi pada peruntukan 30% sekarang.

Saya membuat cadangan ini, memandangkan bahawa . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Tan Kok Wai:** Masalah kemelesetan ekonomi sekarang dirasakan oleh ramai orang yang mengakibatkan ramai orang tidak mampu untuk membeli rumah pada kadar harga melebihi \$25,000.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan peruntukan rumah pangsa kos rendah untuk disewakan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, saya ada tiga rayuan yang saya hendak sebutkan di sini:

- (1) rumah-rumah setingan yang terletak di atas tanah persendirian yang mana mereka kehilangan rumah-rumah tersebut kerana projek pembangunan hendaklah juga diberikan rumah pangsa kos

rendah dan dilayan seperti setinggan-setinggan yang mendiami di atas tanah Kerajaan.

- (2) keluarga-keluarga yang mana rumah mereka telah dibinasakan atau musnah oleh kebakaran, banjir, hakisan dan lain-lain bencana alam hendaklah diberikan keutamaan dan penempatan semula dalam rumah pangsa seberapa segera; dan
- (3) balu, janda dan keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang cacat hendaklah juga diberi keutamaan dalam mendapatkan rumah kos rendah.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.39 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 67 berhubung dengan perkara Pengurusan Parit dan Taliair di bawah Butiran Kod 020300.

Saya mendapati bahawa sejumlah \$360,200 telah diperuntukkan bagi tahun 1987, berbanding dengan \$643,300 untuk tahun 1986 berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan. Dengan pengurangan perbelanjaan mengurus, saya berharap ini tidak akan menjejaskan kerja-kerja penyelenggaraan oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Banyak kawasan dalam Wilayah Persekutuan masih menghadapi ancaman banjir kilat, terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan adalah penting program penyenggaraan sungai-sungai dan parit-parit utama sentiasa dilakukan dengan tujuan untuk mendalam dan melebarkan sungai ini untuk mengatasi ancaman

banjir. Satu peruntukan yang besar hendaklah diberikan untuk maksud-maksud penyenggaraan semua sungai yang tidak termasuk dalam projek-projek pembangunan.

Saya sekarang merujuk kepada perparitan yang mana terdapat peruntukan sejumlah \$4.5 juta disediakan di bawah Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1987. Saya menyokong pemntukan ini dan saya ingin melihat peruntukan ini akan dipergunakan bagi mengatasi masalah banjir yang sering melanda di Batu 31/2 Jalan Cheras, Kuala Lumpur. Saya harap tindakan akan juga diambil untuk mengatasi banjir di Batu 3 1/2 Jalan Sungai Besi, Lebuhraya Persekutuan berdekatan TUDM serta kawasan-kawasan yang meliputi Kampung Limau, Kampung Bahru dan Kampung Datuk Keramat yang sering dilanda banjir kilat selepas hujan turun dengan lebatnya. Saya juga suka menggesa Kementerian berkenaan supaya mendapatkan lebih banyak peruntukan memandangkan kepada peruntukan \$54 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi melaksanakan projek-projek selanjutnya untuk mengatasi masalah banjir di Taman Kok Lian, Kampung Benteng dan kawasan perindustrian Segambut.

Saya suka merujuk kepada muka surat 69, di bawah Bekalan Pembangunan P.17, mengenai jalan-jalan dan jambatan-jambatan. Saya mendapati bahawa terdapat sejumlah peruntukan \$3 juta disediakan untuk jalan-jalan dan jambatan-jambatan. Saya mencadangkan bahawa peruntukan ini hendaklah digunakan untuk memperbaiki keadaan jalan-jalan dalam bandaraya dengan tujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Saya difahamkan bahawa peruntukan ini ialah untuk pembinaan outer ring road, dengan izin dalam bahasa Inggeris, yang bersempadankan jalan Ulu Klang.

Jika benar, maka peruntukan ini tidak mencukupi kerana projek ini memerlukan lebih dari \$3 juta. Walau bagaimanapun, saya harap peruntukan ini boleh digunakan untuk memperbaiki jalan-jalan lain seperti jalan Genting Klang atau Jalan Cheras bagi mengatasi kesesakan lalulintas.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan masalah Jalan Walter Grenier di belakang jalan Kuala Lumpur Plaza yang terletak di dalam kawasan saya yang saya harap bahawa jalan ini boleh diperbaiki lagi secepat yang mungkin kerana pada masa sekarang ianya berada dalam keadaan yang teruk. Saya juga suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah kedudukan cadangan projek penswastaan untuk memperbaiki masalah kesesakan lalulintas di Jalan Cheras.

Saya sekarang bercakap kepada Butiran 02600 di bawah muka surat 69 di bawah tajuk Kompleks Perniagaan dan Pasar.

Saya suka menarik perhatian Menteri berkenaan kepada keadaan perniagaan yang merosot dalam tiga buah pasar moden, iaitu pasar moden Jalan Cheras, pasar modern Tun Dr Ismail dan pasar moden Gombak serta masalah-masalah yang dihadapi oleh 450 orang pegerai-pegerai di tempat-tempat ataupun di dalam pasar-pasar itu. Sejak tuanpunya-tuanpunya gerai dipindahkan ke ketiga-tiga pasar moden dari pasar besar yang lama pada 1hb Oktober 1985, mereka terpaksa menghadapi satu tempoh yang amat perit dan sukar, kerana pencapaian perniagaan yang rendah dan merosot sebagai akibat dari kemelesetan ekonomi.

Saya suka menyampaikan penghargaan kepada Dewan Bandaraya kerana bersetuju mengecualikan bayaran sewa untuk gerai-gerai ketiga-tiga pasar moden itu, di samping mengenakan bayaran

lesen yang rendah berikutan rayuan yang dibuat oleh tuanpunya-tuanpunya gerai. Jadi pengecualian bayaran sewa dan pengurangan bayaran lesen yang diberikan untuk tempoh selama satu tahun, berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1986 hingga 30hb Jun, 1987 dengan tujuan untuk membantu tuanpunya-tuanpunya gerai dan mengurangi beban dan kesusahan mereka. Saya ingin mencadangkan kepada Menteri berkenaan supaya mengkaji cadangan-cadangan yang berikut:

- (i) Pembatalan sewa gerai, di samping pengurangan bayaran lesen hendaklah diteruskan jika keadaan perniagaan tidak menunjukkan kemajuan selepas Jun, 1987 dan di sini saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya meneliti keadaan 7 orang pegerai pemborong di pasar moden Gombak yang dikehendaki membayar sewa sebanyak \$1,280.
- (ii) Menyediakan kemudahan berkunci untuk gerai-gerai di dalam tiga buah pasar moden dengan tujuan untuk mengatasi kejadian kecurian yang sering berlaku.
- (iii) Mengadakan perbincangan yang kerap dengan tuanpunya-tuanpunya gerai mengenai bagaimana untuk memperbaiki persekitaran perniagaan untuk ketiga-tiga pasar itu.

Saya juga ingin menyatakan di sini iaitu berkenaan satu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa sejumlah lebih daripada 10,000 penjaja yang tidak mempunyai lesen dalam Dewan Bandaraya. Saya mencadangkan bahawa mereka hendaklah dilesenkan secepat yang mungkin supaya mereka boleh menjalankan perniagaan mereka tanpa apa-apa gangguan oleh

pihak berkuasa. Saya ingin menjangkakan bahawa terdapat lebih ramai penjaja-penjaja yang akan berniaga di tepi-tepi jalan memandangkan masalah pengangguran yang kian bertambah sekarang ekoran daripada kemelesetan ekonomi semasa dan saya suka menggesa pihak berkuasa berkenaan supaya mengenal pasti lebih banyak tapak-tapak penjaja bagi menempatkan penjaja-penjaja.

Saya merayu kepada pihak berkuasa berkenaan supaya jangan terlalu menekankan tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja-penjaja yang tidak berlesen dalam tempoh yang sulit ini oleh kerana ini akan hanya menimbulkan lebih kesusahan kepada mereka.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin bercakap mengenai Perancangan Penyelidikan dan Pembangunan. Di atas perkara ini saya ingin menimbulkan mengenai kualiti penghidupan rakyat yang perlu diberikan keutamaan dalam pembangunan Ibu Kota. Perkara meninggikan kualiti kehidupan semua rakyat yang telah menjadikan Kuala Lumpur sebagai rumah dan perkampungan mereka hendaklah dijadikan objektif utama ahli-ahli politik dan para pentadbiran dan dalam hubungan ini saya bersedia untuk memainkan peranan dan memberikan sumbangan idea-idea yang positif bagi mencapai objektif ini.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru Kerajaan supaya menubuhkan sebuah jawatankuasa perunding di Wilayah Persekutuan yang mengandungi wakil-wakil dari kedua-dua pihak sektor awam dan sektor swasta, Wakil-wakil Rakyat,

pertubuhan-pertubuhan agama, pertubuhan-pertubuhan sivik dan badan profesional bagi menasihatkan Menteri dan Datuk Bandar mengenai semua aspek pembangunan yang melibatkan Kuala Lumpur dan penduduk-penduduknya. Jawatankuasa ini boleh diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sendiri dan hendaklah bertemu setiap bulan bagi membincangkan dan menyemak serta merumus arahan-arahan mengenai cara mana Kuala Lumpur hendak dibangunkan dan akhirnya saya juga suka menggunakan kesempatan ini untuk menyampaikan satu cadangan kepada pihak Kementerian yang berkenaan memandangkan bahawa berlakunya banyak kejadian kebakaran di Kuala Lumpur, maka saya harap bahawa pihak Kementerian yang berkenaan dapat mencari satu tapak yang sesuai dan untuk menjadikannya sebagai satu pusat penempatan bencana alam yang tetap dalam Wilayah.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Titiwangsa.

3.48 ptg.

**Drs Suleiman bin Mohamed (Titiwangsa):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 69, P.17 Butiran 02600 Kompleks Perniagaan dan Pasar.

Saya suka mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana telah membina beberapa buah pasar moden di beberapa kawasan seperti di Taman Tun Dr Ismail, Gombak, Cheras dan lain-lain tempat. Di samping itu terdapat perancangan bagi membangunkan semula beberapa pasar yang ada seperti Pasar Datuk Keramat, Pasar Air Panas dan Pasar Raja Bot dan kita telah dimaklumkan

pula bahawa di dalam konteks pembangunan sektor informal ini bagi tahun 1987, sebanyak 20 buah kawasan baru telah dikenal pasti di Kuala Lumpur untuk menempatkan lebih kurang 2,209 peniaga kecil dan penjaja. Ini mencerminkan Kerajaan menerusi Kementerian Wilayah Persekutuan amat memandang serius tentang nasib dan masa depan peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja yang berjumlah 25,042 orang di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, penjaja dan peniaga kecil bagi saya adalah merupakan the new emerging force, dengan izin, di dalam masyarakat kita. Oleh kerana itu, Kerajaan sama sekali tidak boleh mengabaikan kewujudan mereka malah mestilah memberi pengiktirafan seperti pengiktirafan kumpulan-kumpulan masyarakat lain.

Walaupun sektor industri penjajaan ini satu profesi yang agak lama dan tua, tetapi dalam konteks dunia moden dewasa ini ia merupakan "economic basket cases", dengan izin, yang kompleks dan mencabar, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset mereka berdepan dengan keadaan persaingan yang lebih sengit.

Kita tidak dapat nafikan sektor ini memainkan peranan yang besar di dalam pertumbuhan ekonomi individu, malah dapat menyumbang secara keseluruhannya terhadap kestabilan eco-social negara. Betapa tidak, Tuan Pengerusi, dalam pertumbuhan pengangguran yang meningkat dewasa ini sektor ini telah menjadi kawah yang besar bagi menampung dan mendorong penganggur-penganggur menjadikannya salah satu mata pencarian.

Meneliti perkara ini saya berpendapat bahawa kebijaksanaan perancangan ekonomi yang komprehensif mestilah segera diambil ke arah melahirkan satu konsep

bersepadu bagi menyelaraskan dan mempertingkatkan profesi sektor ini sebagai profesi yang kekal.

Saya lebih cenderung untuk menyarankan bahawa satu Dasar Penjaja Kebangsaan mestilah diwujudkan di negara ini. Oleh kerana ia merupakan "the new emerging force", dengan izin, dengan profesi yang kekal, maka mahu tidak mahu pengiktirafan perlu ada. Dasar Penjaja Kebangsaan ini boleh merupakan satu "instrument", dengan izin, yang boleh mengatur satu strategi dan sistem jangka panjang ke arah membangunkan ekonomi yang lebih berkesan bagi masyarakat penjaja di negara ini.

Dalam hubungan ini dasar ini bertujuan menyelaraskan dan mensekukan bidang-bidang pelesenan, ruang dan tapak perniagaan dan penjajaan, keseragaman gerai, undang-undang yang standard dan bersepadu, penglibatan sektor swasta yang lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, di segi pelesenan pula, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur kita dapati bahawa ianya sama sekali tidak mencerminkan hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Dari jumlah 14,267 penjaja yang berlesen, 73% atau 10,360 adalah penjaja Cina, penjaja India merupakan 7% atau 1,002 orang dan penjaja Melayu hanya 20% atau 2,905 orang sedangkan mereka yang berniaga tanpa lesen adalah sebanyak 10,775 orang di mana 57% atau 6,133 orang merupakan penjaja Cina, 7% atau 764 penjaja India dan 3,533 atau 32% adalah penjaja Melayu.

Kurang berjaya Dewan Bandaraya untuk menerapkan Dasar Ekonomi Baru dalam sektor penjajaan ini adalah satu perkara yang serius. Kita tidak nampak sebarang rasional yang munasabah yang boleh diterima mengapa Dewan Bandaraya kurang

berjaya dalam perkara ini. Sehubungan dengan itu, maka Dasar Penjaja Kebangsaan ini akan berpandu atas prinsip Dasar Ekonomi Baru yang akan membolehkan kegagalan ini atau kurang berjaya ini diatasi dengan baik.

Tuan Pengerusi, perancangan pembinaan ruang dan tempat yang lebih baik untuk menampung penjaja-penjaja adalah satu usaha yang patut disanjung tinggi dan tepat pada masanya. Kalau kita lihat secara keseluruhannya penjaja-penjaja di Kuala Lumpur, maka tidak nampak satu penyelarasan yang baik. Mereka berselerak seperti kumpulan rumah-rumah setinggan di celah-celah hmba batu. Keadaan ini merumitkan lagi apabila setiap dari satu gerai tidak mempunyai keseragaman antara satu dengan lain.

Berikutan dengan itu, masyarakat Kuala Lumpur bukan hanya berdepan dengan kekotoran dan sampah sarap, malah diharungi dengan keadaan kesihatan yang tidak selesa. Tidak terdapat satu tempat yang ditetapkan secara khusus atau zon untuk penjaja. Usaha mestilah dibuat supaya keseragaman gerai-gerai secara keseluruhan mestilah ada, misalnya gerai-gerai yang berbentuk "capsule" seperti yang terdapat di Jepun dan Korea. Di segi undang-undang pula, kita dapati bahawa tidak dapat penyelarasan tugas dan kerja di antara pihak penguatkuasaan Dewan Bandaraya dengan pihak pengurusan penjaja kerana kadangkala terdapat tindakan-tindakan yang keterlaluan dah pihak penguatkuasaan terhadap penjaja-penjaja yang telah mendapat kebenaran oleh pihak pengurusan penjaja.

Saya berpendapat sudah sampai masa dan ketikanya kerjasama yang baik mestilah ada dan satu peraturan dan undang-undang yang standard

mestilah diterapkan supaya penjaja-penjaja tidak menjadi mangsa tidak penyalahgunaan kuasa undang-undang yang tidak teratur.

Tuan Pengerusi, dalam usaha membangunkan bidang industri penjaja ini kita tidak boleh membebankan ke bahu Kerajaan semata-mata. Sektor swasta mestilah memainkan peranan bagi menyumbang pencapaian kejayaan ini. Langkah Kerajaan mengenakan supaya bangunan-bangunan menyediakan lantai-lantai khas di bangunan itu bagi peluang perniagaan adalah satu usaha yang patut diberi pujian. Di samping itu, beberapa tapak kosong yang di dalam Bandaraya dan sekitar yang masih belum dibangunkan hendaklah diberi kelonggaran supaya tapak-tapak tersebut dijadikan medan perniagaan untuk penjaja-penjaja. Kerajaan mestilah mengarahkan tuannya-tuannya tanah membenarkan tapak-tapak tanah mereka dijadikan medan perniagaan secara sementara dan ini dirasakan adalah satu langkah yang produktif sementara menunggu masa dan ketika tanah itu hendak dibangunkan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang suka saya menarik perhatian di Dewan ini adalah berkaitan dengan Persatuan-persatuan Penjaja yang terdapat di negara ini, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Dewasa ini kita maklum bahawa terdapat berpuluh-puluh persatuan penjaja di mana sebahagian besarnya adalah tidak berfungsi secara produktif, malah merupakan platform untuk menentang Kerajaan. Bersesuaian dengan perkara ini, Kerajaan melalui Pendaftaran Pertubuhan mestilah mengambil sikap yang positif supaya mengetatkan peraturan untuk menubuhkan persatuan-persatuan penjaja yang kecil-kecil untuk digabungkan. Langkah untuk menyatupadukan persatuan-persatuan

ini ke persatuan yang tebih besar dan bermakna dengan anggota yang lebih banyak mestilah dibuat supaya kita bukan hanya dapat mengatur persatuan-persatuan ini dengan lebih konstruktif, malah usaha ini akan melahirkan satu struktur yang teratur dan lebih berkesan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, berdasarkan argumentasi yang disebut tadi, khususnya hubungkait dengan Anggaran Tahunan bagi 1987 Butiran 02600 sebanyak \$1 juta adalah saya rasa tidak mencukupi bagi hendak mengatasi aspirasi mewujudkan sektor industri penjaja yang profesional dan berjaya. Kerajaan mestilah rasional dan insaf dalam perkara ini bahawa keperluan menambahkan peruntukan yang munasabah adalah satu perkara yang imperative kerana satu langkah yang realistik mesti dibuat agar satu golongan masyarakat yang ditakrifkan sebagai "the have-nots", dengan izin, ini dapat pembelaan yang sewajarnya dan berkesan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

3.58 ptg.

**Tuan. S. S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka 68 dan 69, Tajuk 00100 berkaitan dengan peruntukan \$10 yang telah diperuntukkan untuk Projek Perumahan Awam Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Di mana itu Yang Berhormat?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Muka 68.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tajuk 00100.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Perumahan Awam Wilayah Persekutuan?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Ya, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, walaupun kita nampak ada satu anggaran lebih kurang \$91 juta untuk tahun 1986 ke 1990 dan lagi satu peruntukan yang telah disediakan untuk tahun 1986 lebih kurang \$54 juta, tetapi nampaknya pada tahun 1987 hanya \$10 akan disediakan untuk satu projek yang kita boleh anggapkan sebegitu besar dan sebegitu mustahak untuk memenuhi hasrat rakyat kita di dalam Wilayah Persekutuan kita.

Sebagaimana kita telah dimaklumkan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu "token", Yang Berhormat.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Ya, itulah saya hendak tunjukkan. Saya merasa sedih oleh kerana ada token . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sebenarnya kita tidak boleh bincang tajuk yang ada "token" sahaja.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, saya ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan jika boleh hasrat yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat berkenaan dalam satu taklimat yang

telah diberi kepada kita begitu elok, begitu baik, saya ingin dapat tahu sebagaimana Yang Berhormat berkenaan akan memenuhi hasrat itu untuk menempatkan semua rumah-rumah setinggi kita adakan di dalam Wilayah Persekutuan kita.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Tajuk 01700 iaitu Pelan Induk Saluran Najis. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada satu peruntukan \$4 juta yang telah disediakan untuk tahun 1987 tetapi nampaknya dalam anggaran untuk tahun 1986 ke 1990 adalah satu anggaran \$20 juta yang akan disediakan, tetapi sebab apa, saya hendak tahu tahun 1986 tidak ada apa-apa perbelanjaan di atas saluran najis ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kita tidak boleh bincang butir-butir berkenaan dengan ini. Kita bincang dasar sahaja.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh itu saya ingin minta Yang Berhormat Menteri berkenaan mengapa kita tidak menjalankan tugas ini dan menjalankan kerja-kerja mengikut pelan induk saluran najis ini secepat mungkin. Oleh kerana sebagaimana kita telah maklumi ada beberapa bandar di dalam negara-negara maju di mana pelan saluran najis adalah dianggap sebagai satu pelan yang begitu mustahak bukan sahaja untuk menaikkan taraf kehidupan penduduk-penduduk di bandar itu juga untuk membaiki keadaan alam sekitar di seluruh kawasan itu.

Seterusnya saya ingin juga membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan jika kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya keadaan saluran najis yang telah kita adakan dalam Dewan Bandaraya ini, kita nampak ini adalah satu sistem yang telah digunakan

dalam zaman penjajah dahulu dan sampai pada masa ini kita tidak dapat mengadakan satu kemajuan atau pembaikan dalam saluran najis ini. Apabila kita melawat kawasan-kawasan yang membangun di dalam kawasan Dewan Bandaraya, kita dapati sistem yang digunakan ialah sistem tangki. Jika tangki itu berada di depan rumah, apabila kita masuk ke rumah sahaja, kita akan mendapati ada satu bau yang begitu busuk. Inilah satu sistem yang tidak boleh digunakan sekarang dan saya ingin merayu dan memohon kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk membina saluran najis ini atau central sewerage system, dengan izin, dengan secepat mungkin, oleh kerana, kita tidak boleh menaikkan taraf kehidupan di dalam Dewan Bandaraya kita tanpa satu central sewerage system, dengan izin.

Seterusnya saya juga ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam peruntukan yang telah disediakan untuk Dewan Bandaraya dan juga Kementerian tiada apa-apa peruntukan untuk membaiki dan membersihkan alam udara di dalam Dewan Bandaraya oleh kerana dengan adanya exhaust fumes yang telah dikeluarkan oleh kereta-kereta yang ada di Dewan Bandaraya kita, boleh menjadikan udara kita mengandungi satu kadar racun yang begitu tinggi yang terdapat di dalam kawasan Dewan Bandaraya yang mana taraf kehidupan boleh diturunkan. Oleh itu saya merayu dan memohon kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menyediakan satu peruntukan melalui satu sistem pelan induk atau satu sistem melalui lain-lain tajuk yang telah disediakan, untuk membaiki keadaan dalam Dewan Bandaraya di mana kita nampak dengan "exhaust fumes" yang telah dikeluarkan oleh kereta kita boleh mendapati satu keadaan dalam udara kita yang boleh dianggap sebagai "poison level" yang



begitu tinggi yang mana kehidupan rakyat di dalam Dewan Bandaraya boleh dikatakan tidak begitu sihat di masa akan datang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya rasa inilah tajuk yang ingin saya sentuh di sini dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.03 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh berhubung dengan Kertas Perintah 41/86, Kementerian Wilayah Persekutuan, merujuk B.17 Butiran 010200 dan saya minta izin juga dirangkumkan sekali 020200—Pengurusan Tanah yang mana peruntukan \$2.4 juta dan yang pertama tadi peruntukan \$1.3 juta.

Saya ingin membangkitkan perkara yang berhubung dengan keadaan perancangan dan penyelidikan dan pembangunan. Kita lihat di Kuala Lumpur ini kadangkala perancangan dan penyelidikan ini rasa saya tidak dapat diterima oleh rakyat iaitu pertamanya, kawasan-kawasan yang diperuntukkan umpamanya Kawasan Simpanan Melayu (KSM) yang selalu sangat pihak-pihak Bandaraya atau Kementerian mengambil tanah-tanah tersebut untuk dijadikan projek-projek dan dengan keadaan itu juga tanah-tanah tersebut bukanlah harga pasarnya terlampau rendah daripada harga pasaran tanah-tanah yang lain. Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan supaya di masa akan datang tanah-tanah yang saya sebutkan terutama tanah di Kawasan Simpanan Melayu yang mana tanah di Kawasan Simpanan Melayu ini adalah lebih kurang 1,500 ekar yang terletak

di kawasan Kampung Sungai Pencala, Bukit Lanjan dan begitu juga di kawasan Segambut. Apa yang saya dapat tahu dalam pelan induk, iaitu satu jalan akan dibuat di tengah-tengah kampung di kawasan Melayu Segambut yang akan dibuat jalan Kelang Valley Expressway, dengan izin, yang akan dibuat di tengah-tengah kawasan perkampungan Melayu di situ.

Oleh yang demikian, saya mengharap kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya tanah atau rancangan tersebut tidak diambil, kerana itulah sahaja tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang ada di bandar Kuala Lumpur ini. Kita tidak mahu lagi umpamanya pada 5, 6 tahun dahulu, satu kawasan tanah telah pun diambil di Pantai Halt iaitu yang diduduki oleh orang Melayu telah dijadikan satu kawasan penapisan najis untuk penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini dan orang-orang Melayu di situ terpaksa dipindahkan ke tempat lain. Saya tidak hendak perkara-perkara seumpama ini berulang lagi.

Soal yang lain ialah soal pengurusan agama Islam yang ada di Kuala Lumpur ini. Kita mengharapkan banyak lagi masjid-masjid dan juga surau-surau dapat didirikan di kawasan-kawasan terutama di kawasan-kawasan penempatan Melayu iaitu di kawasan flats dan seterusnya, kerana di masa ini kita lihat kadangkala apabila flats telah disediakan, tiada tempat beribadat disediakan. Setelah penduduk-penduduk yang telah berpindah ke situ meminta, memohon dan sebagainya barulah diadakan dan barulah bangunan itu dipecah di sana-sini dan kadangkala untuk mengadap kiblat pun tidak tentu arah, entah ke mana hendak ditujukan. Oleh itu saya mengharapkan di masa akan datang supaya masalah ini dapat diatitkan sekali. Apabila projek-projek

perumahan ataupun flats disediakan supaya disediakan juga tempat-tempat ibadat ini lebih awal supaya kita tidak mahu apabila penduduk-penduduk telah tinggal, barulah masa itu hendak disediakan tempat-tempat ibadat dan kadangkala sebagaimana saya sebutkan tadi tidak tentu arah kiblat yang hendak dibuat yang keadaannya kadangkala menghadap tandas, kadangkala menghadap ke kawasan permainan dan sebagainya.

Dalam masalah pengambilan Guru-guru Agama juga supaya dapat dijalankan dengan teratur. Kita tidak mahu mengambil Guru-guru Agama ataupun Imam-imam yang ada di masjid-masjid sekarang ini kadangkala dimonopoli oleh parti-parti Pembangkang yang mana mereka ini bukanlah untuk menyenangkan pihak Kerajaan tetapi banyak menyulitkan lagi perjalanan dan pentadbiran pihak Kerajaan. Oleh itu, kita mengharapkan supaya pihak Kementerian khasnya dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan supaya meneliti dan mengambil tindakan kepada mereka yang berkenaan.

Sekarang saya beralih kepada Butiran 02000—Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Ini juga masalah yang ada di Kuala Lumpur ini iaitu Lalulintas. Tuan Pengerusi sedia maklum, apabila sedikit sahaja hujan, kita lihat berjam-jam kereta untuk menyeberang tidak dapat, kadangkala dengan banjir dan seterusnya dan begitu juga di persimpangan bulatan-bulatan jalan, umpamanya Jalan Kilometer 5 dan 8 Jalan Cheras, Bulatan Edinburgh, Bulatan Jalan Pahang, Persimpangan Jalan Ampang, Jalan Tun Abdul Razak, Bulatan Jalan Kampung Pandan dan seterusnya.

Kawasan-kawasan ini kita lihat kadangkala berjam-jam hendak melintas. Kadangkala hujan begitu lebat, pihak trafik pun tidak dapat hendak menjaganya. Oleh itu, saya

mengharapkan kepada pihak Kerajaan sungguhpun peruntukan ini telah pun disediakan \$3.05 juta bagi tahun 1987 ini, saya rasa tidak mencukupi, oleh itu kita mengharapkan cara-cara yang boleh dijalankan sama ada diswastakan dan sebagainya oleh pihak Kementerian bagi menyenangkan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini untuk balik dan untuk mengambil anak-anak daripada sekolah dan lain-lainnya supaya tidak menjadikan masalah sebagaimana jalan-jalan yang saya sebutkan tadi.

Soal yang lain iaitu di sini, Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menyentuh juga sungguhpun token \$10 berhubung dengan Butiran 00100, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, tunggu sekejap. Tolong duduk sekejap. Ini mengenai perbelanjaan token, oleh kerana perbelanjaan tidak ada, jadi perbincangan tidak boleh dibenarkan. Boleh teruskan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingat boleh oleh kerhria masalah ini untuk orang awam tetapi tidak apalah. Soal yang lain ialah berhubung dengan perpahtan. Perparitan ini juga saya ulang-ulangkan selalu kerana melihat keadaan banjir mengejut yang berlaku di Kuala Lumpur khasnya di kawasan setinggan di Kuala Lumpur ini.

Ini juga kita mengharapkan iaitu Butiran 02100, Perparitan yang berjumlah \$4.5 juta yang saya sebutkan tadi supaya ini juga dapat dijalankan dengan seberapa segera yang boleh kerana kita mahu keadaan ini berlaku berterusan dan tiap-tiap kali hah hujan yang lebat maka acap kalilah nyawa melayang terutamanya di kalangan kanak-kanak yang mana

rumah-rumah mereka ini duduk di tepi longkang yang kadang-kadang dihanyutkan oleh air dan seterusnya. Kita mengharapkan supaya perparitan yang ada sekarang ini dapat diperbaiki bagi mengelakkan banjir di samping untuk mengelakkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang setempat.

Saya berbalik kepada muka surat 69, Butiran 02600, Kompleks Perniagaan dan Pasar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas daya usaha Dewan Bandaraya dan Kementerian yang telah menyediakan tiga kompleks perniagaan yang begitu baik, yang begitu cantik yang ada di Taman Tun Dr Ismail, di Cheras dan juga di Gombak. Tetapi sebagaimana rakan-rakan saya telah menyuarakan tadi sambutan daripada orang ramai nampaknya begitu dingin. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan supaya pasar-pasar yang seumpama ini di masa yang akan datang supaya tidak dibuat lagi dan di samping itu juga saya mengharapkan pasar-pasar yang ada ini oleh kerana tidak ada sambutan supaya dapat kita tukarkan terutamanya di kawasan bawahnya.

Saya lihat di pasar moden Taman Tun Dr Ismail yang mana kawasan ini di bahagian bawahnya tidak ada orang menggunakan buat masa ini, terbuang begitu sahaja dan pihak Kementerian dan pihak Dewan Bandaraya tidak dapat membuat apa-apa. Saya mencadangkan kerana sekarang kita lihat begitu banyak pasar-pasar malam yang ada di kawasan-kawasan tersebut, apa salahnya pasar-pasar malam yang seumpama ini dapat dialihkan mereka itu supaya dapat berniaga di bawah bangunan tersebut supaya mereka menjual tidak lagi di tepi-tepi jalan sebagaimana yang dibuat sekarang ini. Lepas itu kita pun dapat sedikit sebanyak rasa saya sewa daripada mereka yang berjaja di kawasan tersebut.

Di samping itu juga saya mengharapkan kepada Kementerian ataupun Dewan Bandaraya oleh kerana di kawasan-kawasan yang ada sekarang ini penduduk-penduduk cukup susah untuk pergi ke pasar dan dengan keadaan ini peniaga-peniaga dengan keizinan kadangkala daripada Kementerian ataupun Dewan Bandaraya mengadakan pasar-pasar di lorong-lorong atau di kawasan-kawasan letak kereta di kawasan-kawasan perumahan misalnya di Kampung Maarof, di Sea Park dan juga Taman Lucky di kawasan saya, mereka ini mengadakan pasar-pasar di tempat-tempat letak kereta.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah sampai. Yang Berhormat dari Kuantan.

*4.14 ptg.*

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai B.17, iaitu di muka surat 67, Butiran 010000 di bawah Program/Aktiviti 020200 iaitu Pengurusan Tanah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang 3 perkara iaitu (i) Tanah-tanah di Kampung Bharu; (ii) Tanah-tanah yang bakal dimajukan; dan (iii) Tanah dengan Bank di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa kawasan Kampung Bharu merupakan Kawasan Simpanan Melayu atau, dengan izin, Malay Agricultural Settlement yang saya rasa mengandungi ciri-ciri yang hampir sama ataupun lebih kurang sama dengan ciri-ciri Tanah Simpanan Melayu. Yang berbezanya ialah kawasan Kampung Bharu ini letak betul-betul di tengah-tengah Ibu Kota Kuala Lumpur yang di kelilingi oleh kawasan-kawasan tanah yang begitu

bernilai tinggi dan di sekitarnya pula mempunyai jalan-jalan seperti Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Dang Wangi dan Jalan Raja Muda dan tidak berapa jauh daripada situ ialah Jalan Ampang. Jadi ini semuanya menunjukkan bahawa tanah-tanah di kawasan Kampung Bharu ataupun kawasan Kampung Bharu ini merupakan "a golden piece of land" yang berhampiran juga dengan izin, "golden triangle".

Yang hendak saya perkatakan di sini ialah kawasan Kampung Bharu ini semakin merosot, semakin kurang diberi perhatian dan semakin kurang diberikan penekanan bukan sahaja daripada pihak pemerintah, pihak Kerajaan, pihak berkuasa tetapi juga pihak swasta.

Tujuh belas tahun dahulu, saya rasa pada tahun 1970 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah mengadakan satu program, satu langkah konkrit iaitu memberikan nilai ekonomi kepada kawasan Kampung Bharu ini dengan membenarkan atau menerima cagar tanah-tanah di kawasan Kampung Bharu ini untuk diberikan wang, untuk diberikan pinjaman supaya lot-lot di Kampung Bharu itu didirikan dengan rumah-rumah binaan konkrit sama ada dua tingkat, tiga tingkat walaupun sampai saya rasa tebih 15 tingkat. Selepas itu, selepas beberapa tahun kemudian setelah terbinanya saya rasa pasar baru, pasar minggu diikuti oleh langkah yang konkrit oleh pihak-pihak Kerajaan iaitu ingin menjadikan kawasan ini sebagai satu kawasan perdagangan dengan mengadakan inisiatif memindahkan beberapa buah pejabat Kerajaan, Jabatan Kerajaan ataupun Lembaga-lembaga Kerajaan dalam kawasan itu. Itu merupakan satu political will, ataupun political commitment, dengan izin, Tuan Pengerusi. Tetapi political

commitment itu telah luntur setelah hanya 5 tahun sahaja apabila kita menghadapi ujian economic recession ataupun ketandusan ekonomi ini. Maka seolah-olah sudah berlaku perubahan hati di dalam hati pihak-pihak tertentu untuk mengubah semula penempatan jabatan-jabatan ataupun badan-badan Kerajaan ini ke kawasan-kawasan lain, dengan alasan tempat lain itu lebih selesa, keadaan di tempat lain itu lebih central dan sebagainya. Tetapi saya rasa sekiranya kita mempunyai political will ataupun political commitment, dengan izin, untuk melihat kawasan yang begitu bererti ini, walaupun ianya di-classifiedkan sebagai kawasan Melayu tentu sekali saya rasa azam yang asal itu boleh diteruskan walau apa pun halangan yang menanti, yang tiba-tiba timbul dalam menuju azam itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya benar-benar mencadangkan dan berharap pihak berkuasa supaya tidak menghadapi keadaan tawar hati apabila menghadapi sedikit masalah, umpamanya, kerana Dasar Ekonomi Baru sendiri boleh dilaksanakan, boleh dicerminkan di dalam satu kawasan yang baik di Ibu Kota ini, iaitu menyusun semula masyarakat dan juga membasmi kemiskinan, ker: '; Kampung Bharu ini, walaupun letak di tengah-tengah ibu kota, tetapi ciri-ciri kehidupannya masih lagi sama common denominatornya, dengan izin, dengan orang-orang kampung di pelusok-pelusok yang berjauhan di tariahair ini. Begitu juga dari segi pendapatan, saya rasa penduduk-penduduk di Kampung Bharu ini serupa juga dengan mana-mana kampung yang terletaknya di pelusok tanahair kita ini. Jadi, saya berharap supaya langkah-langkah yang lebih konkrit seperti yang telah dimulakan sejak 17 tahun dahulu dan bersambung sehingga tahun 1980 itu, diteruskan demi kebaikan pencapaian Dasar Ekonomi Baru seperti yang telah saya gariskan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada soal tanah-tanah yang bakal dimajukan di Kuala Lumpur ini. Yang hendak saya tekankan ialah dalam keadaan ekonomi yang begitu meleset ini, saya benar-benar berharap supaya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengkaji semula keputusan-keputusan, baik dasar ataupun separuh dasar ataupun keputusan-keputusan pentadbiran, supaya tanah yang bakal dimajukan tidak dikenakan bayaran yang terlalu tinggi, tetapi tidak dikenakan bayaran sepertimana dalam keadaan ekonomi yang sihat beberapa tahun dahulu. Harulah pembayaran ataupun fee itu mencerminkan keadaan yang meleset. keadaan ekonomi yang susah pada waktu ini. Saya mendapat tahu, umpamanya kalau kita hendak menukarkan syarat tanah daripada tempat tinggal kepada commercial, semi-commercial dan sebagainya, kadang-kadang development feenya mungkin merupakan satu faktor yang begitu deterrent, yang begitu tidak menggalakkan. Begitu juga fee dalam hal-hal memberi sumbangan kepada perparitan dan sebagainya lagi. Dalam keadaan ini, sepatutnya saya rasa pihak Dewan Bandaraya harus bersikap sebagai seorang rakan juga dalam menghadapi keadaan ekonomi dan perniagaan yang begitu teruk yang dihadapi oleh pemaju, bakal pemaju ataupun orang ramai pada keseluruhannya. Jadi, sikap berkongsi dalam keadaan teruk harus juga diambil kira, sepertimana Dewan Bandaraya harus berkongsi dalam keadaan ekonomi yang sihat yang boleh membawa hasil. Jadi, saya rasa kalaulah langkah ini diambil dengan segera tentu sekali ianya mendapat penghayatan, ianya tentu sekali diberikan terima kasih yang tidak terhingga oleh bakal-bakal pemaju. Mana tahu di kalangan mereka ini sudah mempunyai sumber-sumber untuk membangun tanah-tanah mereka dan dengan adanya

kelonggaran yang diberikan oleh Dewan Bandaraya, tentu sekali keadaan akan menjadi bertambah sihat. Tentu sekali ianya merupakan sesuatu yang konstruktif.

Tuan Pengerusi, saya berpindah pula kepada soal tanah dengan bank. Saya tahu, saya sedar bahawa dalam soalan-soalan bukan sahaja pada hari ini, tetapi sejak beberapa minggu dahulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan, umpamanya, menerima soalan-soalan baik secara langsung atau secara tidak langsung mengenai gara-gara tanah pembangunan dan sebagainya. Jadi, yang saya maksudkan ialah tanah yang berkaitan dengan cagaran dengan bank. Dalam hal ini saya percaya sekiranya kewibawaan Dewan Bandaraya itu boleh dipanjangkan, boleh dikuatkuasakan, tentu sekali pihak-pihak bank bukan sahaja ianya harus dikawal ataupun ditunjuk arah oleh Bank Negara, tetapi juga saya rasa Dewan Bandaraya sendiri boleh memberikan sumbangan ke arah merasionalisekan hubungan tanah yang dicagarkan kepada bank itu dengan tindakan yang bakal diambil oleh bank terhadap pemilik-pemilik tanah yang menggunakan tanah itu sebagai cagaran. Oleh kerana sebab-sebab tertentu pemilik tanah itu menghadapi masalah "cash flow" umpamanya dan tentu sekali kalau ada langkah-langkah yang konkrit di antara Dewan Bandaraya dengan Bank itu, tentu sekali saya rasa Bank akan berfikir panjang, harus berhati-hati takut kalau-kalau langkah-langkah yang drastik yang tidak memikirkan soal-soal sosio-ekonomi di Kuala Lumpur ini akan pada akhirnya menjejaskan iklim pelaburan, iklim sosio-ekonomi dan mungkin juga iklim kependudukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini.

Jadi, saya sekali lagi berharap Dewan Bandaraya sambil memikirkan hal-hal tentang fee mengenai tanah

yang bakal dibangunkan, hendaklah juga memberi sumbangan ataupun memberi ideas, memberi alternatif-alternatif kepada bank-bank supaya tanah yang herada di dalam kawasan Wilayah Kuala Lumpur ini tidak sewenang-wenangnya diambil tindakan oleh pihak bank kerana kita takut kalau-kalau ia menjejaskan iklim pelaburan, iklim ekonomi dan iklim sosio-ekonomi. Ini tentu sekali akan terjejas sekiranya tanah itu dilelong, dirampas ataupun tindakan-tindakan yang boleh menjejaskan soal-soal pemilikan tanah di Kuala Lumpur ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Jadi sebelum Tuan Pengerusi sebutkan, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih terhadap peluang yang diberikan dalam perbincangan mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan di peringkat Jawatankuasa ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat dari Kepong, lepas ini saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat.

4.26 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengemsi, muka surat 68—Pengurusan Agama. Seperti tahun lepas, banyak tumpuan dan perhatian dibekalkan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Butiran berapa Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Muka surat 68, Butiran 030000, Program 030200. Seperti tahun lepas, banyak tumpuan dan perhatian telah diberikan ke atas aspek agama Islam di dalam

Kementerian ini, sementara butiran-butiran lain telah dikenakan kekurangan dan perbelanjaan pemilikan harta modal. Program 030200 Pengurusan Agama Islam dalam Belanjawan ini telah meningkat dalam peruntukan perbelanjaan Kod 3000, sebanyak 9 kali besarnya. Apakah sebab-sebab di belakang penambahan butiran ini? Ini satu soalan kerana di lain-lain Butiran itu semua dikurangkan kecuali ini dan butiran selanjutnya pun tidak diberi. Itu satu kelemahan. Butiran 010000, Program 010100, maklumat mengenai Aktiviti Pentadbiran dan Kewangan hanya terhad kepada bilangan mesyuarat yang diadakan serta bilangan kertas mesyuarat yang ditimbangkan.

Pada keseluruhannya, prestasi aktiviti di sini menganggarkan bahawa bilangan kertas mesyuarat yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan dipertingkatkan dari 186 keping ke 400 dalam tahun 1987, sementara bilangan kertas Jawatankuasa Labuan meningkat dari 59 ke 200 dalam tahun 1987 bagi tujuan menguruskan hal ehwal pentadbiran perkhidmatan dan urusetia ini. Saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan bahawa peningkatan dalam bilangan kertas mesyuarat tidak bererti hasil mahupun produktiviti turut meningkat ataupun pengurusan berjalan dengan licin. Prestasi aktiviti juga dilaporkan mengeluarkan lesen perkahwinan segera. Nampaknya selain daripada butir-butir yang tersebut tadi prestasi aktiviti pihak Kementerian bukan sahaja kurang menggalakkan, malah terhad dari segi skopnya.

Tuan Pengerusi, Butiran 010000, Program 010200, muka surat 67, Prestasi Aktiviti Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan melaporkan jumlah penduduk yang terlibat dalam pemindahan setinggan di 6 buah kampung akan berkurangan

dari 1,668 orang dalam tahun 1986 ke 870 orang dalam tahun 1987. Keterangan ini tidak memuaskan. Ianya tidak memberi maklumat sepenuhnya mengenai kawasan-kawasan setinggan yang masih belum dipindahkan. Apakah dasar yang diikuti semasa memilih kampung setinggan untuk dipindahkan? Prestasi aktiviti sepatutnya melaporkan tindakan yang dikenakan untuk mengawal masalah setinggan ini. Sekarang jumlah penduduk setinggan telah bertambah akibat daripada pendatang haram terutama sekali pendatang haram Indonesia. Sekiranya langkah-langkah yang tegas tidak diambil, banyak peruntukan lagi akan diperlukan untuk kerja pembersihan memindahkan setinggan tersebut.

Tuan Speaker, saya berharap dengan peruntukan yang diadakan sekarang, pihak Kementerian dapat mempergiatkan, mempertambahkan dan memperelokkan tindakan-tindakan untuk membersihkan kawasan setinggan, terutama dengan bilangan kakitangan dan direktorat penguatkuasaan sekarang, mungkin kira-kira 1,000 orang. Peruntukan bukan main bertambah dari setahun ke setahun, sebab itulah saya berharap kerja dan prestasi Kementerian ini dapat dipertingkatkan untuk mengawal dan membersihkan setinggan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000, Program 030300—Pengurusan Tanah. Pada tempoh hari iaitu pada 11hb November, 1986 ada berlaku satu tragedi di Kepong Hulu, sempadan Wilayah Persekutuan di mana tiga orang penganggur mati ditimbus kerana keruntuhan tanah di satu terowong tanah lombong. Tanah lombong ini telah tidak dikerjakan lagi untuk perlombongan kerana tanah itu ditarik balik oleh pihak Jabatan Tanah.

Soalan yang timbul ialah cara-cara untuk mengambil balik tanah lombong daripada pihak swasta, apabila masih ada bijih atau sisa-sisa bijih di dalam lombong ini memang menarik perhatian orang ramai, terutamanya penganggur-penganggur sehingga mereka dengan secara haramnya mengerjakan lombong ini dan kadangkala mengambil risiko yang terlalu besar sehingga mengorbankan nyawanya.

Saya berharap pihak Kementerian, terutamanya Pejabat Tanah dapat memperbaiki cara-cara untuk mengambil balik tanah lombong ini dan kawalan ke atas tanah di mana kerja perlombongan diberhentikan ini dapat dipertingkatkan kerana kalau tidak dikawal dengan ketat, maka akan terjadilah tragedi-tragedi yang tersebut di kawasan lombong ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

4.33 *ptg.*

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu dari Titiwangsa, Hulu Selangor, Kepong, Kuantan, Lembah Pantai, Bukit Bintang dan Sungai Besi yang telah mengambil bahagian memberikan pandangan terhadap Kementerian saya di perbahasan peringkat Jawatankuasa ini.

Oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian saya, maka saya mendapati sukar untuk memberi jawapan satu persatu dan ini akan mengambil masa yang begitu panjang. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya bercadang menyentuh beberapa

perkara yang besar sahaja, iaitu berkaitan dengan masalah penjaja-penjaja, berkaitan dengan industri-industri haram, berkaitan dengan masalah Lalulintas, sedikit sebanyak perumahan awam kos rendah dan satu dua perkara yang lain. Perkara-perkara yang lain, yang tidak akan saya sentuh akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Titiwangsa dan juga dari Lembah Pantai telah menyentuh berkenaan dengan masalah penjaja di Wilayah Persekutuan pada keseluruhannya.

Suka saya memaklumkan iaitu Kementerian mengakui bahawa sektor penjajaan merupakan sektor yang telah dikenal pasti di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk diberi perhatian dari segi dasar, perancangan dan juga pelaksanaan. Langkah jangka panjang dan pendek telah diatur untuk memandu perkembangan struktur tersebut secara teratur,

Dari segi langkah jangka panjang adalah menjadi dasar Kementerian untuk menjalankan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menjalankan dasar yang liberal terhadap pengeluaran lesen, dasar ini telah dijalankan semenjak tahun 1985;
- (ii) melesenkan semua pasar-pasar malam secara berperingkat. Buat masa ini terdapat lebih kurang 50 pasar malam dan hanya 5 sahaja yang telah dilesenkan;
- (iii) seterusnya untuk mencari lebih banyak tapak-tapak baru seperti menutup jalan-jalan, lorong-lorong dan kawasan lapang;
- (iv) mengenakan syarat kepada semua pemaju bangunan tinggi menyediakan ruang penjaja, setakat ini 7 buah bangunan

telah menyediakan dan 58 tempat telah pun disediakan. Dianggarkan 6 bangunan lagi akan dibuka untuk kemudahan penjaja bagi tahun 1987; dan

- (v) membenarkan pihak swasta membuka Pusat Penjaja. Setakat ini 8 pusat penjaja swasta telah pun dibuka dan menampung seramai 183 orang penjaja.

Selain daripada itu, banyak lagi usaha sedang dijalankan untuk mengatasi masalah penjaja tanpa lesen. Namun demikian, pihak Kementerian dan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur akan tetap mengambil . . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat ada yang minta penjelasan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, suka saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa Dewan Bandaraya telah mengambil beberapa langkah untuk membantu peniaga-peniaga atau penjaja-penjaja yang tidak berlesen untuk mendapatkan tapak-tapak yang sesuai supaya mereka dapat dilesenkan. Memang ini benar, akan tetapi suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa sebelum tapak-tapak ini dapat dikenal pasti dan sebelum lesen-lesen dapat dikeluarkan, semua ini memerlukan masa.

Saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada dalam tempoh untuk mengenal pasti tapak-tapak dan mencari tempat-tempat yang sesuai ini, pihak Kementerian yang berkenaan dapat menghentikan segala tindakan penguatkuasaan terhadap



penjaja yang tidak berlesen ini, memandangkan bahawa ini jalah merupakan satu ancaman ataupun satu perkara yang sangat membimbangkan terhadap penjaja-penjaja haram ini.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, pada masa ini ada seramai lebih kurang 10,637 orang penjaja tanpa lesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di antara mereka seramai 2,513 adalah penjaja statik, iaitu di tepi jalan, 7,425 orang di pasar-pasar malam dan 699 orang di sekitar pasar. Jadi, pihak Kementerian dan Dewan Bandaraya memang telah mengamalkan sikap liberal untuk tidak mengambil tindakan terhadap mana-mana penjaja yang tidak menghalang dan mengganggu lorong serta menutup jalan-jalan yang berkenaan dan sebagainya yang boleh melibatkan kekotoran dan juga pencemaran alam sekitar lainnya, maka penjaja-penjaja yang berkenaan tidak akan kita ambil tindakan sehingga kita mendapat tempat-tempat yang sesuai bagi mereka. Oleh itu, jika pihak penjaja tidak mahu Kementerian dan Dewan Bandaraya mengambil tindakan, maka mereka hendaklah keluar daripada apa yang telah saya perkatikan tadi yang menghalang lalulintas, yang menutup jalan, yang menyebabkan kekotoran dan lain-lain lagi. Inilah ulasan saya kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Begitu juga langkah jangka panjang seterusnya akan diambil sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu selain daripada perkara-perkara yang telah saya nyatakan, maka kita juga akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang tertentu yang patut kita adakan gerai-gerai penjaja. Dari segi ini, suka saya nyatakan bahawa penjaja-penjaja yang terdiri daripada orang-orang Melayu memanglah pada masa ini adalah berkurangan kerana bilangan orang-orang bukan Melayu yang menjadi penjaja memang begitu ramai

sekali dalam tahun 60an dan 70an. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk memberi peluang yang lebih kepada orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain dalam sektor penjajaan dan peratusan ini dijangka akan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Tan Kok Wai:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, pada minggu yang lalu, saya ada satu Soal Jawab Mulut yang tidak dapat dijawab. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menjawab soalan saya sekarang ini. Soalan saya begini. Adalah menjadi satu pengetahuan umum bahawa ramai penjaja di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur terdiri dari penjaja-penjaja pendatang haram terutamanya dari Indonesia dan aktiviti-aktiviti mereka telah menjejaskan kehidupan dan perniagaan penjaja-penjaja tempatan di kawasan itu terutamanya penjaja-penjaja orang Melayu. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar atas masalah ini dan adakah Kementerian ini sedang atau akan ambil tindakan untuk mengatasi masalah ini untuk membantu penjaja-penjaja tempatan?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, masalah penjaja-penjaja haram daripada Indonesia ataupun lain negara tidak ada dalam peruntukan yang dipohon oleh Kementerian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak perlu dijawab.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, dari segi industri haram, maka Kementerian saya sedar berkenaan dengan perkara ini dan kita

sedang berusaha bagi mencari jalan untuk menempatkan semula kilang-kilang haram ini ke satu kawasan yang lebih sempurna dan selamat. Walaupun pada satu ketika dahulu notis telah diberikan untuk meminta mereka berpindah, tetapi memandangkan kemelesetan ekonomi pada masa sekarang notis pemindahan itu telah ditangguhkan oleh Kerajaan. Oleh itu, pada masa sekarang industri-industri berkenaan boleh meneruskan operasi seperti sediakala. Namun demikian, adalah menjadi tujuan Kementerian supaya industri-industri haram yang tidak teratur dan boleh mendatangkan bahaya kesihatan serta kebakaran ditempatkan dalam kawasan yang berancang dan di mana bolen kawasan yang berdekatan dan tempat asal. Ini adalah untuk mengelakkan kesulitan yang mungkin dialami oleh pekilang-pekilang berkenaan sekiranya dikehendaki berpindah ke kawasan-kawasan yang lebih jauh.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi supaya Kementerian menyediakan tapak industri yang lengkap dengan infrastruktur (sites and services) untuk diberi milik kepada pekilang-pekilang, Kementerian sedang mengkaji cadangan ini bahkan telah pun kita memulakan membuat kajian bagi menyediakan tapak-tapak kilang berdasarkan kepada konsep "site and services" ini dan sekiranya didapati sesuai, ianya akan dilaksanakan sama ada oleh Kementerian ataupun agensi-agensinya ataupun pihak swasta sebagai projek penswastaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan tempoh yang

diberikannya sepanjang mana untuk pengilang-pengilang haram ini berterusan dengan kegiatan mereka? Yang kedua, adakah Yang Berhormat telah mengenal pasti satu kawasan untuk menempatkan semula kilang-kilang yang mendapat notis di kawasan Kepong dan Jinjang, kalau tidak, mengapa ada dikeluarkan satu ataupun dua kenyataan sebelum Pilihanraya?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Oleh kerana notis itu dari segi penguatkuasaan telah kita tangguhkan, jadi adakah Ahli Yang Berhormat hendak supaya ianya dikuatkuasakan semula dengan serta merta bagi kawasan Kepong?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan lagi. Maksudnya berapa lamakah tempoh yang akan diberikan untuk mereka ini dan soalan kedua dan yang penting sama ada tapak baru itu dikenal pasti, walhal dilaung-laungkan sebelum ini?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, notis yang berkenaan akan berkuatkuasa dari segi penangguhannya sehingga Kerajaan khususnya Jemaah Menteri menarik balik. Dan yang kedua, dari segi kawasan-kawasan perindustrian bukan sahaja bagi kawasan Parlimen Kepong tetapi juga semua kawasan-kawasan Parlimen yang ada dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kita akan cuba mengadakan kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada masalah kesesakan lalulintas yang berlaku di Kuala Lumpur yang mana peruntukan sebanyak \$3 juta telah disediakan bagi tahun 1987 bertujuan untuk perbelanjaan mereka-bentuk kejuruteraan dan pengambilan balik tanah bagi mempertingkatkan simpangan Jalan Ampang/Jalan Ulu Kelang, iaitu sebahagian daripada cadangan Jalan Lingkaran Tengah 2.

Dewan Bandaraya juga mempunyai satu rancangan untuk membaiki Jalan Walter Grenier, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dah Bukit Bintang sebentar tadi, yang mana kos anggaran bagi pembinaan adalah sebanyak \$500,000. Pelaksanaan projek ini akan dijalankan apabila keadaan ekonomi kita mengizinkan.

Sebanyak lima buah syarikat tempatan telah mengemukakan cadangan-cadangan bagi projek penswastaan jalan-jalan dan jejambat di Kuala Lumpur yang termasuk Jalan Cheras, iaitu projek-projek ini melibatkan mempertingkatkan kedua-dua bulatan di kilometer 5 dan kilometer 8 di Jalan Cheras. Kedua, membaiki Jalan Cheras dari bulatan kilometer 5 ke kilometer 8. Ketiga, membina sebahagian, dengan izin, East West Link, antara Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Jalan Cheras. Keempat, mempertingkatkan bulatan Edinburgh, bulatan Kampung Pandan dengan Jalan Tun Razak, persimpangan Jalan Tun Razak dengan Jalan Ampang dan Bulatan Jalan Pahang. Penender yang berjaya yang sedang kita proses pada masa ini akan dibenarkan oleh Kerajaan untuk memungut tol dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan rumah awam kos rendah, saya telah banyak kali menyatakan bahawa pada masa ini walaupun tidak ada peruntukan diberi oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun hadapan, kita ada tiga langkah utama untuk memastikan bahawa mereka yang kurang bernasib baik atau berpendapatan rendah di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh memiliki rumah-rumah murah ini dalam jangka masa yang tertentu.

Pertama, melalui projek-projek penswastaan yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan, yang mana sebanyak 12 syarikat yang berkenaan jika

melaksanakan semua rumah-rumah kos rendah akan mewujudkan sebanyak 12,333 unit dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Yang kedua, kita akan terus memberi galakan kepada sektor swasta untuk mengemukakan cadangan bagi memajukan kawasan-kawasan yang tertentu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk rumah-rumah kos rendah dan juga rumah-rumah kos sederhana, jika perlu rumah-rumah kos tinggi dalam dasar penswastaan Kementerian. Juga Kerajaan pada keseluruhannya seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor dan Kuantan sebentar tadi akan memikirkan masalah premium bagi tanah-tanah yang diswastakan sedalam-dalamnya agar tidak merugikan pihak swasta yang berkenaan.

Langkah yang ketiga adalah untuk menyemak semula segala permohonan-permohonan yang telah diluluskan, pertama sekali dari segi pemberian tanah iaitu terkeluar daripada projek-projek yang diswastakan semenjak beberapa tahun yang sudah, yang ada di antara 20 hingga 30 orang pemaju, yang mana belum lagi melaksanakannya. Pihak Kementerian akan mengadakan rundingan dengan mereka yang berkenaan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi agar rumah-rumah yang sepatutnya dibina akan dibina. Dari segi peratusan rumah murah yang dikenakan adalah berdasarkan kawasan-kawasan yang tertentu, ada yang 30%, ada yang 40%, 50% dan seterusnya. Ini adalah sebagai menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor tadi.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan masalah perparitan, saya ingin menyatakan iaitu oleh kerana peruntukan secara keseluruhan bagi tahun 1987 memang dikurangkan bagi

semua Kementerian dan juga Kerajaan pada keseluruhannya, maka peruntukan bagi pengurusan parit dan taliair telah pun dikurangkan lebih daripada 40% jika dibandingkan dengan tahun 1986.

Namun demikian, segala usaha akan ditumpukan untuk memastikan bahawa kerja-kerja mengeluarkan kelodak yang berkesan akan dilaksanakan supaya sistem penyaluran di Wilayah Persekutuan tidak merosot. Kerja-kerja seperti ini akan dijalankan terutamanya di kawasan-kawasan yang sering kali dilanda banjir kilat yang tidak termasuk dalam senarai Program Pembangunan Rancangan Malaysia Kelima. Di bawah Program Pembangunan, peruntukan bagi perparitan adalah sebanyak \$4.5 juta dan peruntukan ini tidak dikurangkan oleh kerana pihak Kementerian memberi keutamaan kepada kerja-kerja tebatan banjir. Ianya akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir bagi kawasan Batu 3 1/2 Jalan Cheras, Batu 3 1/2 Jalan Sungai Besi, Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban di TUDM, Taman Kok Lian dan juga Kampung Benteng di Segambut.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah menimbulkan berkenaan dengan pengambilan balik Tanah Simpanan Melayu. Ingin saya menyatakan bahawa pengambilan tanah adalah berdasarkan kepada keperluan-keperluan tertentu. Kementerian saya sedar akan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi ada kalanya dalam keadaan tertentu Kerajaan tidak ada pilihan lain. Dari segi peratusan jumlah tanah Melayu yang diambil adalah kecil dan Kerajaan akan terus mengambil tanah-tanah sama ada kepunyaan orang Melayu, bukan Melayu dan lain-lain, pada masa hadapan apabila difikirkan perlu.

Di sini saya sukalah menyeru melalui Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa untuk kita membawa pembangunan bagi kawasan masing-masing, terutama sekali di kawasan-kawasan yang tidak ada banyak lagi tanah Kerajaan, maka pihak pemilik tanah terpaksa sedikit sebanyak berkorban agar tanah mereka boleh diambil untuk kita menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti pembesaran jalan, membina parit yang sesuai, mengadakan talian bagi telefon, api dan juga bekalan air dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil kira dan mengadakan perancangan yang teliti sebelum satu-satu pengambilan tanah diambil oleh pihak Kerajaan.

Berkenaan dengan masalah Imam-imam dan guru-guru agama seperti yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai sebentar tadi, ingin saya memaklumkan iaitu Imam-imam adalah diambil melalui proses pengambilan oleh Jabatan Perdana Menteri, khususnya Bahagian Hal Ehwal Agama, mengikut kelayakan dan juga mengikut skim-skim yang tertentu.

Berkenaan dengan Guru-guru Agama Jawi pula ada satu Jawatankuasa yang menemuduga dan seterusnya memilih guru-guru tersebut, sekiranya didapati mana-mana imam dan guru yang melanggar peraturan serta syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Kerajaan, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil kepada guru-guru berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang membuat cadangan supaya membentuk satu Jawatankuasa Perundingan ataupun, dengan izin, Consultative Committee, untuk menasihatkan Menteri dan juga

pihak Bandaraya dan lain-lain agensi Kementerian dalam Wilayah Persekutuan mengenai pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada keseluruhannya.

Cadangan ini adalah baik. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa pada masa ini memanglah menjadi amalan Kementerian, Dewan Bandaraya dan juga Jabatan-jabatan yang lain mengambil kira pandangan-pandangan pemimpin-pemimpin tempatan, penduduk-penduduk pada keseluruhannya di dalam merancang dasar di dalam melaksanakan projek-projek di bawah Kementerian dan agensi-agensinya.

Ini telah pun dilakukan secara berkesan melalui sistem Jawatankuasa yang sudah ada dan juga melalui perjumpaan yang diperbuat dari semasa ke semasa. Sebagai misalan, dari segi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah dinasihatkan oleh Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bermesyuarat dua bulan sekali. Ahli Lembagaanya terdiri daripada ahli-ahli profesional termasuk arkitek, dengan izin, architect planner, ahli-ahli peniaga, ketua-ketua masyarakat dan lain-lain.

Pada masa ini sistem penasihat seperti yang saya sebutkan di atas tadi adatah dirasai mencukupi kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri dianggotai oleh berbagai pegawai profesional dan berpengalaman.

Selain daripada itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa bermesyuarat dengan badan-badan profesional melalui, dengan izin, Joint Dewan Bandaraya Professional Institute Consultative Committee dari semasa ke semasa dan perkara-perkara mengenai perancangan pembangunan sering kali dibincangkan.

Walaupun bagaimanapun, saya mengambil perhatian di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu dan dengan ini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, sekian dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$19,364,000 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$19,364,000 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$18,400,080 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 'adakah diluluskan,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$18,400,080 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

*Maksud B.18 (Jadual)—*

*Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan, 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.18 dan Kepala P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5.03 ptg.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):**  
Tuan Pengerusi, terima kasih. Maksud B.18, muka surat 75, Butiran 010000 iaitu Suruhanjaya Dagangan Komoditi. Saya merasa gembira adalah penubuhan baru Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang akan diberi bidang kuasa pengawasan yang lebih luas atas operasi Bursa Komoditi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Commodity Exchange) dan Rumah Penjelasan (Malaysian Futures Contract Clearing House).

Saya berharap Ahli-ahli Suruhanjaya Dagangan Komoditi baru ini akan menjadi lebih berkesan untuk mengawal sebarang manipulasi harga atau pengepungan pasaran di KLCE dan akan memastikan tidak terdapat lagi satu perkara pengepungan pasaran sebagaimana yang telah terjadi pada masa dahulu berulang lagi. Contohnya ialah ada kes-kes iaitu "The Lone Ranger dan Tonto the Indian" dan juga lagi permainan lagu "The Impossible Dreams" dan juga satu pertunjukkan perasaan dengan orang-orang yang berpakaian kartun sebagai Mickey Mouse dan Goofy di depan bangunan baru Bank Bumiputra (M) Bhd pada tahun 1984. Pada masa itu telah terjadi satu perkara besar di mana ada terdapat tuduhan bahawa ada ahli-ahli dan pegawai-pegawai di KLCE telah bercampur tangan dalam dagangan pembelian kontrak serahan hadapan minyak kelapa sawit apabila harga minyak itu meningkat daripada paras \$700 satu tan kepada lebih kurang \$3,000 satu tan. Dan apabila ada seorang C. G. Loo yang dikenali sebagai "The Lone Ranger" bercampur tangan dengan penjualan besar-besaran kontrak serahan hadapan itu, maka harga itu runtuh daripada paras lebih kurang \$3,000 satu tan kepada paras rendah lebih kurang \$1,300. Maka pada masa itu pakatan pembelian sudah dialami

dengan kerugian besar, dan juga dapatlah KLCE iaitu pasaran komoditi mengalami penggantungan keseluruhannya semua dagangan, mengakibatkan pasaran minyak kelapa sawit menghadapi kesulitan sehingga hari ini.

Maklumat yang berikut peristiwa dan kejadian itu memberitahu kepada kita ada pihak tertentu yang terlibat dalam skandal "The Lone Ranger" ini tennasuk broker-broker dan pegawai-pegawai di KLCE dan juga ada bank-bank sebagai Bank Bumiputra yang terlibat juga, semua atas kepentingan diri sendiri. Semua bertentangan dengan "The Lone Ranger" dan "C. G. Loo". Saya berharap skandal "The Lone Ranger" ini tidak akan terjadi lagi dengan kewujudan satu Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang baru ini.

Saya berharap Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang baru ini akan memastikan dagangan dan pasaran, bebas dan tidak akan ada hal-hal manipulasi dan pengepungan pasaran akan tetapi mereka akan menjamin kepentingan pelabur-pelabur dan kepentingan orang awam sahaja, sebab hari ini negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi dan kita tidak boleh menghadapi lagi satu skandal pasaran bahan-bahan utama kita. Kita perlu mendapat lebih keyakinan daripada pelabur-pelabur di kalangan dagangan komoditi antarabangsa. Saya cadang dan saya harap semua Ahli-ahli baru Suruhanjaya Dagangan Komoditi ini akan berkhidmat dengan ikhlas dan jujur.

Merujuk kepada Maksud 18, muka surat 75, Butiran 080000 Lembaga Tembakau Negara. Tujuan Lembaga Tembakau Negara adalah mengawal, memaju dan memodenkan perusahaan tembakau. Tetapi sudah lama Lembaga Tembakau Negara ini berusaha dan kita diberitahu setakat

hari ini hanya \$62.5 juta setahun sahaja pendapatan semua petani tembakau ini dan dengan purata ini lebih kurang \$30.00 pendapatan sebulan setiap petani atau sekeluarga lebih kurang \$200.00 sekeluarga. Saya ingin mencadangkan adalah lebih berhasil kita adakan satu Lembaga Tembakau Negara atau bubarkan Lembaga Tembakau Negara ini dan ditubuhkan satu lagi satu lembaga yang baru yang akan memberi bantuan kepada petani-petani tembakau mempelbagaikan tanaman mereka untuk mendapat lebih hasil yang lumayan, kerana hari ini kita dapati ada sedikit percanggahan tujuan dan objektif Kementerian-kementerian dalam Kerajaan. Kementerian Kesihatan menyuruh orang jangan hisap rokok, ada kempen jangan merokok dan juga dalam kotak rokok ada satu amaran "merokok membahayakan kesihatan". Kita juga ada satu lagi Lembaga Tembakau Negara yang berbelanja berjuta-juta ringgit menggalakkan orang menanam tembakau dan menggalakkan orang merokok.

Saya ingin bertanya adakah tujuan Lembaga Tembakau Negara ini memberi bantuan, pertolongan kepada Kerajaan memungut cukai-cukai sahaja, sebanyak \$680 juta setiap tahun. Cukai-cukai ini \$600 juta daripada mereka yang merokok dan membeli rokok, tetapi syarikat yang mengeluarkan dan menjual rokok hanya membayar \$80 juta sahaja sebagai cukai korporat dan kalau kita kira semua rakyat Malaysia setiap tahun berbelanja lebih kurang \$1.4 bilion, iaitu \$1,400 juta atas perbelanjaan merokok dan lebih kurang 70% si merokok iaitu sesiapa yang merokok adalah 70% orang miskin yang berpendapatan lebih kurang \$300 setiap bulan sahaja dan kesihatan mereka ini adalah dalam keadaan yang buruk. Mengapakah kita wujudkan lagi satu Lembaga Tembakau Negara untuk memburukkan kesihatan

mereka yang sudah dalam keadaan tidak sihat. Saya cadang kita patut bubarkan Lembaga Tembakau Negara ini dan wujudkan satu Lembaga baru yang akan memberi bantuan kepada petani-petani tembakau mempelbagaikan tanaman mereka, bukan sahaja dapat memberi hasil yang lebih lumayan, tetapi juga akan menyelamatkan nyawa-nyawa mereka yang merokok dan saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian, janganlah mementingkan untuk mendapatkan lebih cukai sebanyak \$680 juta tiap-tiap tahun sahaja daripada mereka yang merokok.

Merujuk kepada muka surat 74, Butiran 030000—GALIAN dan juga muka surat 79, Butiran 09900—Kajian Potensi Perlombongan, saya menyentuh perkara yang ada percanggahan dengan peraturan dan garis panduan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, di mana Kerajaan Persekutuan adalah memberi kemudahan kewangan sebanyak \$70 juta kepada pelombong-pelombong bijih timah dan juga ada mengurangkan (merendahkan) tarif elektrik dan juga ada memberi berbagai kemudahan pelaburan kepada yang melabur dalam perindustrian bijih timah. Tetapi kita dapati di peringkat negeri-negeri, Kerajaan Negeri yang meningkatkan premium tanah, bayaran cukai tanah daripada paras \$20 setiap ekar kepada \$100 seekar sekarang, iaitu berganda lima kali dan juga menaikkan nilai "performance bond", dengan izin, untuk isi dan kepadatan lubang-lubang galian pun berganda lima kali daripada satu performance bond, dengan izin, iaitu satu garenti setiap ekar \$16,000 dan sekarang kita dapati garenti bank ini \$80,000 setahun setiap ekar. Maka macam mana kita hendak menyelaraskan tujuan-tujuan dan objektif Kerajaan Persekutuan dan objektif dan tujuan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kita dapat tahu ada

percanggahan ini dalam usaha-usaha mereka untuk menghidupkan semula perindustrian bijih timah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Saya harap dan saya cadang lebih baik pegawai-pegawai dan wakil-wakil dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri duduk bersama sekali menyelaraskan dan mengkordinasikan semua usaha dengan tujuan yang sama ke satu arah dan sama satu objektif sahaja untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada pelombong-pelombong, bukan sahaja pelombong-pelombong yang akan mendapat hasil, tetapi kita juga akan menghidupkan semula perindustrian tin dan juga dapatlah beribu-ribu orang mendapat balik kerja mereka.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr Eng Seng Chai:** Sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah cukup!

**Dr Eng Seng Chai:** Belum 10 minit lagi, Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi!

**Tuan Pengerusi:** Mula tadi pukul 5.05 minit. Ada dicatat di sini pukul 5.05 minit Yang Berhormat mula.

**Dr Eng Seng Chai:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat tidak boleh. Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.75 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya bangun membahaskan Kementerian Perusahaan Utama di bawah tajuk Maksud Bekalan 18, muka surat 73 yang diperuntukkan sebanyak \$203,980,810 untuk Perbelanjaan tahun 1987. Saya rujukan dahulu kepada Butiran program aktiviti

010200 iaitu Pasaran Bahan-bahan Utama dan Bahan Utama Lain yang diperuntukkan sebanyak \$1,520,600. Jumlah ini adalah jauh berkurangan daripada peruntukan 1986 iaitu sebanyak \$133 juta. Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan adakah pengurangan yang besar ini mencerminkan langkah pertama pertukaran struktur ekonomi kita ke arah pemasaran barang-barang separuh siap dan sudah siap. Kalau ia, saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, jikalau inilah trendnya di dalam jangka masa dua tahun, kita tidak perlu lagi kepada Kementerian ini. Segala sisa-sisa barangan utama patut diserahkan kepada Kementehnan Pertanian. Ini akan menyumbangkan kepada usaha pengurangan kos Kerajaan. Sebenarnya, pengwujudan Kementerian ini mencerminkan pergantungan kita kepada bahan-bahan utama. Walaupun pengurangan belanja pasaran bahan-bahan oleh Kementerian ini sebanyak lebih kurang \$129 juta, saya tidak nampak ianya timbul di dalam perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, malah di dalam Kementerian ini patut ada bahagian pasaran barangan siap dan separuh siap.

Tuan Pengerusi, saya rujuk pula kepada muka surat 73 juga, Maksud Bekalan B. 18, Butiran 010100 bertajuk Pentadbiran Am, Getah, Lain Bahan, Antarabangsa dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pada 3hb November yang lalu mengenai pengurangan kos pengeluaran minyak kelapa sawit pada peringkat kilang, ada disebut bahawa komponen buruh hanya 12% dan Yang Berhormat Menteri juga menyebut satu cara



mengurangkan kos ialah melalui "automation", dengan izin. Saya kurang faham tentang pemikiran ekonomi sebegini. Mengapa harus diautomationkan kalau kos buruh hanya 12% dari kos keseluruhan. Di dalam nada yang sama juga Yang Berhormat Menteri berkata usaha ini tidak akan mengabaikan kedudukan sosio ekonomi. Ini merupakan satu "paradox". Saya minta penjelasan lanjut dari Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian ini carilah komponen-komponen kos yang tinggi untuk diturunkan. Saya sokong penuh ke atas usaha mengurangkan pembaziran buah kerana ini menyumbang kepada kos yang tinggi di dalam pengeluaran kelapa sawit kita. Komponen kos yang tinggi saya fikir adalah di dalam kos pembajaan. Efficiency, dengan izin, di dalam teknik pembajaan masih lagi rendah di negara kita ini. Andainya teknik-teknik ini dibaiki, saya pasti pengurangan kos dapat dicapai, tetapi yang lebih penting ialah peningkatan produktiviti melalui pengurusan ladang yang cekap. Usaha mengintegrasikan ternakan seperti kambing biri-biri, lembu, kerbau dan lain-lain adalah satu-satunya usaha yang mempunyai potensi yang tinggi. Saya harap pihak PORIM meneliti perkara ini dengan serius.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula merujuk kepada Butiran 020200 dan 020300, iaitu di muka yang sama, muka surat 73 di bawah Program/ Aktiviti Pengurusan Sumber Hutan dan Perancangan dan Perkembangan Perindustrian. Butiran 1 mendapat peruntukan sebanyak lebih kurang \$2 juta dan Butiran ke 2 mendapat sebanyak \$768,000. Saya satukan pembahasan kedua-dua Butiran ini sebab ianya berkait rapat. Kegiatan pengurusan sumber hutan mestilah ditunjukkan kepada pembangunan dan perkembangan sumber-sumber yang mempunyai potensi pengilangan atau

"downstream development potential", dengan izin, yang tinggi. Saya harap Jabatan Hutan betul-betul memastikan prioritas pembangunan ini. Jangan hanya ghairah dengan rimba rekreasi sahaja. Masyarakat kita masih lagi belum terpisah dari ekologi kerimbaan dan kedesaan seperti masyarakat New York, London, Paris, Tokyo atau lain-lain masyarakat bandar. Kuala Lumpur pun boleh disifatkan sebagai satu rimba rekreasi yang terindah di dunia ini.

Oleh itu, saya fikir tidak perlulah dibuat banyak sangat rimba rekreasi seperti di Sik, di Kok Lanas dan lain-lain tempat pendalaman kerana orang-orang di sini masih lagi "close to nature", dengan izin. "Appreciation", dengan izin, mereka terhadap konsep rimba rekreasi ini tidak wujud, sebab itulah tempat-tempat itu tidak terjaga dan akhirnya menjadi tempat berhimpunnya lembu dan kerbau mereka.

Saya mencadangkan supaya digiatkan lagi penanaman "economic forest", dengan izin, dan ladang hutang di mana satu-satunya "forest ecological system", dengan izin, yang dipenuhi dengan pokok-pokok seperti pokok durian yang diselangsadikan dengan pokok-pokok petai, misalnya di kawasan-kawasan yang tidak dikehendaki pembalakan untuk menahan hakisan tanah. Kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai "permanent forest", dengan izin, bolehlah dibangunkan secara begini.

Saya juga ingin menyeru kepada Jabatan Hutan di bawah P.18, muka surat 76, 77, Tuan Pengerusi, iaitu di bawah Butiran 02800 sehingga 06000 agar janganlah berebut-rebut dengan kehendak "economic needs", dengan izin, penduduk miskin ke atas kawasan yang boleh dibangunkan pertanian, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang pendapatan penduduknya adalah di bawah paras kemiskinan.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah kawasan tanah datar yang tidak mempunyai "significance" atau "relevance", dengan izin, dengan "soil conservation" atau "catchment preservation", dengan izin. Misalan yang baik ialah kawasan tanaman jati di jalan Spanner Road di kawasan Kubang Pasu, Kedah dan di Corok Tualang, Jeniang, Kedah. Tanah-tanah yang diambil oleh Jabatan Hutan ini sebaliknya boleh menampung pendapatan penduduk miskin melalui penanaman kopi, tebu atau apa-apa sahaja bahan pertanian jangka pendek.

Jabatan Hutan hendaklah bersusah-susah sedikit masuk ke kawasan pedalaman yang lebih curam, sesuai dengan misinya untuk menstabilkan ekologi negara dan membangunkan sumber-sumber hutan. Saya bukanlah tidak menggalakkan penanaman pokok jati atau mahagony. Apa yang dilakukan oleh Jabatan Hutan di sepanjang jalan raya-jalan raya di utara tanah air itu adalah sangat dibanggakan. Pokok-pokok jati dan mahagony bukan sahaja menjanjikan pendapatan yang lumayan kepada generasi akan datang, tetapi ianya menambahkan nilai estetik jalan raya-jalan raya itu.

Tuan Pengerusi, sesuai dengan pendekatan Kerajaan ke arah mengukuh dan memperkembangkan ekonomi perindustrian, saya menyeru agar Jabatan Hutan menukar sikapnya ke arah ini. Saya kata demikian ialah selama ini saya perhatikan sikap Jabatan Hutan yang menekankan pengawalan atau "regulatory administration", dengan izin, sahaja. Sikap ini dicerminkan oleh keghairahan pegawai-pegawainya hendak menangkap sahaja walaupun usaha orang yang hendak ditangkapnya itu telah pun direstu oleh Kerajaan melalui pemberian lesen-lesen.

Saya bukanlah suruh Jabatan Hutan tutup mata kepada kesalahan-kesalahan, tetapi bukan semua kesalahan-kesalahan ini dibuat dengan sengaja. Seharusnya Jabatan Hutan memimpin pengusaha-pengusaha ini, khususnya yang mengusahakan bahan-bahan hutan seperti rotan, buluh, bertam, kayu getah dan lain-lain. Yang saya tengok berlaku ialah penutupan atau "sealing", dengan izin, kilang-kilang kecil kerana tersalah letak mesin, penyerbuan terhadap tempat masak rotan, kononnya rotan itu dicuri dari compartment lain dan lain-lain lagi tindakan-tindakan yang akhirnya membunuh perusahaan kecil di desa-desa, pada hal Kerajaan pada masa ini menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil yang berasaskan sumber-sumber tempatan.

Apakah salahnya pegawai-pegawai hutan bersama-sama dengan pengusaha-pengusaha ini membolehkan usaha-usaha ini berjalan terus. Hukum Tuhan yang mana yang mengatakan buluh yang ditebang pada hari pembaharuan lesen mengambil bulan boleh dirampas oleh Jabatan Hutan? Atau hukum suci yang mana pula yang mengatakan mesin kilang kayu getah yang dipasang dalam kilang yang dibina dengan "jungle rollers" tidak boleh dijalankan?

Tuan Pengerusi, kita manusia membuat peraturan-peraturan untuk sesuatu muslihat di mana muslihat ini tidak terjejas, maka pandai-pandailah kita menyesuaikan dengan keadaan dan justeru itu, mentafsirkan undang-undang ini sewajarnya. Saya harap Jabatan Hutan tidak mengambil kritikan saya ini secara negatif. Saya akui bahawa penukaran peranan dari bercorak "regulatory" kepada yang bercorak "developmental", dengan izin, adalah susah tetapi dengan berkat ketabahan pegawai-pegawai Jabatan Hutan yang ingin mendukung cita-cita

kerja "Bersih, Cekap dan Amanah", saya pasti Jabatan Hutan akan membuka era baru di dalam sejarahnya sebagai "A Department of the people for the people", dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan penghargaan kepada pihak Kerajaan yang telah menubuhkan Lembaga Penyelidikan Perhutanan Malaysia dua tahun yang lalu. Butiran-butiran Perbelanjaan 1987 Lembaga ini ialah 00600 sehingga 01000 di muka surat 76.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulungan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Sedikit sahaja, seminit.

Saya hairan mengapa dengan tertubuhnya Lembaga ini, Jabatan Hutan masih lagi menjalankan projek penyelidikan seperti tertunjuk di bawah Butiran/Projek 04500 dan 04600. Bukankah ini bertindih dengan projek penyelidikan Lembaga Penyelidikan Perhutanan Malaysia di bawah Butiran/Projek 00700, 00800, seterusnya 0100. Pertindihan ini tentu sekali mempengaruhi kecekapan dan justeru itu, kos mengurus dan kos penyelidikan akan meningkat. Saya harap dengan adanya Lembaga ini, tidak berulang lagi drama-drama rivalry dan jealousy, dengan izin, seperti yang berlaku apabila MARDI diperanakkan dari Jabatan Pertanian 20 tahun yang lalu. Drama-drama ini berlaku apabila kepentingan diri mengatasi kepentingan umum. Ianya merugikan negara. Seharusnya kerjasama yang erat boleh diadakan untuk kepentingan negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ledang.

5.30 *ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang):** Tuan Pengerusi, saya bersama bangun untuk membahaskan

peruntukan di atas Maksud Bekalan 18, Butiran 010000 di bawah Program 010100 yang merangkumi perkara-perkara termasuk Penyelidikan, sebanyak \$89,645,380.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara ini apabila saya melihat masalah yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang. Sebahagian besar daripada masalah pada hari ini adalah di mana kita dapati sebahagian besarnya terletak pada industri perusahaan utama negara kita ini. Saya juga menyentuh perkara ini apabila saya mengesan pemikiran dan juga pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk ini dan saya dapati bahawa sewajarnya Bahagian Penyelidikan ini mengambil perkara-perkara yang pada saya perkara-perkara pokok yang mungkin saya silap, tidak dapat dibentangkan dengan secara khusus oleh pihak Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, kita merasakan bahawa akibat daripada keadaan harga yang turun hingga kini menyebabkan pendapatan negara keseluruhannya turun, pendapatan pekebun-pekebun kecil sama ada getah ataupun kelapa sawit juga turun dan hasil Kerajaan turun dan menyebabkan perbelanjaan yang berkesan dan seterusnya pelaburan yang dikatakan membawa kepada pertumbuhan ekonomi tidak dapat diwujudkan pada jumlah yang menggalakkan. Ini menunjukkan kepada kita bahawa industri perusahaan utama ini adalah begitu penting sekali kepada ekonomi negara kita. Akibatnya memang telah kita rasakan pada hari ini dan satu perkara pokok yang belum dapat saya kesan dalam perbincangan hingga kini daripada pihak Kementerian berkenaan ialah sama ada wujud suasana yang dikatakan merumitkan negara-negara yang sedang membangun seperti negara kita ini.

Apabila adanya pemisahan di antara pertumbuhan negara-negara maju dengan negara-negara yang sedang membangun, khususnya pemisahan di antara pertumbuhan negara yang maju dengan sektor industri perusahaan utama, yang bererti bahawa jika sekiranya negara yang maju ekonominya tumbuh dengan cepat, tidak semestinya ia membawa kepada pertumbuhan yang cepat dan tinggi untuk negara-negara yang sedang membangun dan khususnya industri perusahaan utama negara yang membangun. Apabila keadaan ekonomi negara yang maju meleset, maka ianya juga membawa kesan yang meleset kepada negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, istilah yang digunakan, decoupling effect ini, saya minta supaya pihak penyelidikan di Kementerian yang berkenaan supaya menentukan atau mengesan sejauh manakah sektor getah, kelapa sawit, koko, bijih timah dan juga kayu kayan di negara kita ini merasakan kesan decoupling effect ini. Sama ada ianya wujud berdasarkan kepada perubahan ataupun pembaharuan teknologi yang berlaku di negara-negara maju yang menyebabkan bahawa mereka kurang menggunakan bahan-bahan mentah yang kita gunakan ataupun mereka telah mewujudkan barang-barang gantian kepada bahan-bahan yang kita keluarkan.

Satu lagi yang hendak ditekankan di sini ialah sama ada pihak penyelidikan ini dapat mengesan sama ada bahan-bahan mentah yang telah kita keluarkan dalam keadaan di mana adanya penawaran yang berlebihan di pasaran antarabangsa dibandingkan dengan permintaan. Apabila kita dapati bahawa sumber-sumber pengeluaran ataupun keupayaan ataupun kapasiti untuk mengeluarkan bahan-bahan tersebut telah bertambah banyak berdasarkan kepada jumlah

hektar yang dibangunkan di negara-negara jiran ataupun berdasarkan kepada perubahan teknologi yang berlaku di negara-negara maju.

Satu lagi perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah sama ada soal kos pengeluaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan merupakan satu masalah yang besar. Sebentar tadi Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyebutkan tentang soal angka 12% daripada kos pengeluaran datangnya daripada buruh. Jika sekiranya kos itu sekadar 12% mengapa soal kos buruh dibesar-besarkan hingga menyebabkan ia menyebabkan kos yang tinggi di negara kita ini. Kalau sekadar 12%, saya agak hairan mengapa ianya boleh dikatakan sebagai kos yang besar yang menyebabkan kos pengeluaran di negara kita ini terlalu tinggi. Adakah ini bermakna kos yang lain lebih tinggi termasuklah peruntukan yang dituntut oleh mereka yang menyediakan modal dalam soal pengeluaran bahan-bahan mentah di negara kita ini?

Tuan Pengerusi, saya menyebut perkara-perkara tersebut sebagai sebab-sebab yang biasa dan selalunya diutarakan sebagai sumber kepada apa yang dikatakan pemisahan antara pertumbuhan sektor industri perusahaan utama ini dengan keperluan ataupun pertumbuhan negara-negara maju. Saya minta pihak penyelidikan yang ada di Kementerian tersebut supaya mengesan sejauh raanakah sebab-sebab yang saya sebutkan tadi merupakan sebab-sebab utama mengapa wujudnya masalah yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tiga perkara berkaitan dengan apa yang saya ingin sebut sebagai inisiatif yang baru yang sepatutnya difikirkan oleh pihak penyelidikan. Sudah berabad-abad kita menekankan sektor perusahaan

utama sebagai sektor yang penting dalam ekonomi kita. Tetapi saya mempersoalkan sejauh mana kita telah mewujudkan ataupun menyediakan kepakaran ataupun kemahiran di kalangan ahli-ahli sains kita yang pada calibre, dengan izin, yang paling tertinggi dalam negara kita ini. Untuk memastikan bahawa penyelidikan ke arah downstream, dengan izin, atau ke arah upstream, dengan izin, pada peringkat yang paling optima yang boleh dicapai oleh negara seperti kita ini yang telah jauh ke depan dari segi membangunkan sektor industri perusahaan utama ini. Kalau sekiranya kita melihat industri elektronik umpamanya, yang bermula di negara maju di sebelah barat telah ditiru oleh negara-negara maju di sebelah timur dan mereka telah membuat kemajuan berdasarkan kepada kepakaran ahli-ahli sains mereka yang paling tinggi yang mungkin dapat dicapai ataupun dapat ditiru. Jika sekiranya negara-negara seperti Korea Selatan atau Taiwan menghantar pelajar-pelajar mereka ke tempat-tempat yang paling baik sekali dari segi mendapatkan teknologi ataupun kepakaran ataupun ilmu sains dalam bidang-bidang elektronik untuk memajukan "silicon valley" mereka sendiri, maka sewajarnya kita sebagai negara yang paling maju dari segi pengeluaran bahan-bahan mentah, mempunyai ahli-ahli sains kita yang terbaik mungkin dapat diwujudkan.

Saya sedia maklum dalam soal membuat penyelidikan dari segi bahan-bahan keluaran, bahan-bahan gunaan daripada getah, penyelidikan tersebut dibuat di Makmal Tun Razak di England sana. Dan saya pernah bertanya pada masa-masa yang lampau sama ada pihak Kementerian berpuas hati dengan usaha-usaha yang dibuat di Makmal Tun Razak.

Saya khawatir bahawa kalau sekiranya kita terus mengharap kepada usaha-usaha yang dibuat di

sana, mungkin kita tidak dapat mewujudkan keupayaan kita sendiri di tempat kita ini. Saya ingin menyarankan di sini supaya satu inisiatif yang baru sepatutnya difikirkan oleh pihak Kementerian supaya ahli-ahli sains sama ada untuk tujuan penyelidikan up-stream ataupun penyelidikan down-stream diatur supaya dalam jangka masa yang panjang kita akan maju dari segi penyelidikan ataupun ilmu asas ataupun dari segi teknologi untuk menggunakan bahan-bahan perusahaan utama yang kita keluarkan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah gelung?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut dua lagi inisiatif . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Jika boleh, janganlah sebut dua. Satu cukuplah.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Pendek saja, Tuan Pengerusi.

Kita sekarang ini, bukan bekerja sama dengan negara-negara ASEAN dalam soal pengeluaran bahan utama dan juga dalam soal pemasaran. Maka inisiatif yang baru yang sepatutnya dibuat sama ada dari segi perkiraan perniagaan ataupun dari segi perkiraan diplomasi maka inisiatif yang baru yang sepatutnya dibuat ialah kerjasama dalam soal pemasaran di antara negara-negara ASEAN yang pada hari ini bertanding dan bersaing antara satu sama lain. Saya ingin lihat inisiatif yang baru daripada pihak Kementerian.

Yang ketiganya pihak Menteri menyebut adanya inisiatif untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi pekebun kecil akibat dari turunnya harga getah ataupun kelapa sawit. Jadi, saya ingin bertanya di sini sejauh manakah inisiatif ini telah dapat dimajukan dan sejauh mana pula penyelidikan yang telah dilaksanakan sama ada dari segi mempelbagaikan

kegiatan pekebun kecil dalam bentuk memelihara kambing biri-biri ataupun lebah madu ataupun penanaman rotan dapat diterjemahkan daripada penyelidikan kepada pelaksanaan oleh pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Itulah sahaja tiga inisiatif yang saya ingin sarankan supaya difikirkan oleh pihak Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanjong.

5.43 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010100 Pentadbiran Am, Getah, Lain-lain Bahan Antarabangsa dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, pada masa menggulung perbincangan Budget, Yang Berhormat Menteri ada memberi kenyataan mengenai pembeli timah misteri di London pada tahun 1981 dan ada mengakui bahawa ianya (Kerajaan Malaysia) melalui Syarikat MAMINCO dan bahawa Kerajaan akan terus mengekalkan syarikat ini (MAMINCO) dan saya rasa ini satu perkara yang besar dan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tidak memuaskan rakyat jelata. Dan banyak soalan-soalan tidak dijawab dan saya rasa bahawa rakyat jelata ada hak menuntut satu kenyataan yang sepenuhnya diberi mengenai latar belakang mengenai urusan MAMINCO khususnya wang \$660 juta sudah rugi oleh negara kita.

Kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa urusan MAMINCO tidak ada apa-apa soal salahguna atau pelepasan wang atau mana-mana pegawai awam yang mendapat faedah kewangan daripada urusan ini, kita

tidak boleh terima. Mengikut rekod Kerajaan apabila timbul skandal BMF kita pun dapat jaminan bahawa tidak ada apa-apa skandal. Tetapi ia melibatkan \$2.5 billion. Dan pertama kali dalam masa lima tahun kita dapat satu pengakuan bahawa MAMINCO sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan ada mengendalikan perkara ini.

Saya menyeru satu siasatan yang terbuka diadakan supaya kita dapat latar belakang mengenai pembelian timah ini sama ada waras, sama ada Kerajaan menyiasat dengan penuh latar belakang Marc Rich khususnya agennya David Zaidner, dengan izin, satu unsavouric character dalam pasaran komoditi antarabangsa.

Dan kenyataan Yang Berhormat Menteri ada berbgain tempat sangat memuaskan oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada berkata, bahawa ada satu steering committee yang ada menentukan akaun-akaun MAMINCO ialah sempurna. Tetapi siapa yang mengawasinya? Accountability kepada siapa? MAMINCO ada ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Kita ada siasat dengan Pendaftar Syarikat-syarikat, tidak ada apa-apa return selain daripada rekod incorporation pada tahun 1981 bahawa syarikat itu ditubuhkan ada dua orang pemegang saham dan Pengarah, tidak pernah ada apa-apa kenyataan, atau return dalam syarikat. Adakah MAMINCO bukan sahaja bertindak luar daripada accountability Parlimen tetapi juga luar daripada undang-undang. (*Tepuk*)

Dengan sebab itu kita mahu satu public inquiry. Kita tidak puas hati dengan jawapan-jawapan Yang Berhormat Menteri yang sebenarnya tidak faham apa yang berlaku. Kalau tidak silap Kementerian Perusahaan Utama tidak pernah terlibat dalam operasi ini. Malaysian Mining Corporation, dengan izin, di bawah

Jabatan Perdana Menteri, di bawah Kementerian Kewangan; Kementerian Perusahaan Utama tidak pernah campur tangan. Bagaimana kita boleh dapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia pun tidak tahu. Pegawai di belakangnya pun tidak tahu. Ini top secret.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri pun ada berkata bahawa daripada saki-baki wang MAMINCO untuk mengurangkan kerugian dua syarikat itu ditubuhkan MAKUWASA. Dia berkata MAKUWASA Securities Berhad dan MAKUWASA Jaya. Ada dua syarikat MAKUWASA ditubuhkan. Lagi Yang Berhormat Menteri tidak faham apa yang sebenarnya berlaku. Sebenarnya mengikut rekod-rekod Pendaftar Syarikat-syarikat, ada 5 buah syarikat MAKUWASA ditubuhkan dalam tempoh yang sama iaitu:

- (i) MAKUWASA Securities Sdn. Bhd.;
- (ii) MAKUWASA Development (Sabah) Sdn. Bhd.;
- (iii) MAKUWASA Jaya Development Sdn. Bhd.;
- (iv) MAKUWASA Palm Oil Sdn. Bhd.;
- (v) MAKUWASA Plantation (Sabah) Sdn. Bhd.

Kenapa rakyat tidak dibeh kenyataan dan keterangan yang sebenar? Kenapa ada 5 buah syarikat MAKUWASA, kita diberi tahu 2 sahaja?

Ini menunjukkan bahawa ada perkara-perkara yang perlu diberitahu kepada rakyat supaya kita faham sebenarnya apa yang berlaku. Wang itu daripada mana sebenarnya. Adakah sebenarnya apabila bermula operasi itulah wang Kerajaan atau mengikut ada spekulasi-spekulasi itulah slush fund UMNO di luar negeri

dan apabila ia sudah collapse, jatuh, menjadi wang rakyat—dipikul tanggungjawab oleh Kerajaan. Kita mahu satu siasatan, siasatan yang sepenuhnya, dan oleh kerana apa yang terlibat ialah wang rakyat berbillion ringgit.

Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa skim ini gagal oleh kerana LME ada menukar kaedah-kaedah mengenai short selling. Adakah itu benar? Ada pakar-pakar berkata bahawa sama ada kaedah-kaedah short selling itu ditukar atau tidak ditukar, skim ini yang mahu, dengan izin, corner Pasaran Timah Antarabangsa tentulah akan gagal oleh kerana adanya faktor-faktor yang lain seperti peningkatan pengeluaran timah oleh lain-lain negara dan lain-lain sebab. Saya rasa satu Kerajaan yang terbuka, satu Kerajaan yang accountable kepada rakyat, perlu mengadakan satu siasatan terbuka supaya kita dapat tahu cerita yang sebenarnya mengenai mysterious tin buying oleh kerana adanya soalan-soalan yang tidak boleh diketepikan dan tentulah apabila Official Secrets Act sampai, semua akan menjadi rahsia.

Tuan Pengerusi, kita hendak tahu adakah ini satu rancangan yang didapati kebenaran Kabinet, oleh kerana saya tahu ada Menteri-menteri Kabinet pada masa itu yang berkata mereka langsung tidak tahu mengenai MAMINCO, mysterious tin buying ini. Sekarang kita mendapati bahawa mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini telah diluluskan oleh Kabinet. Adakah ini benar? Kalau tidak benar, apakah kita akan menganggap perkara ini? Kita mahu satu siasatan oleh kerana ada Menteri-menteri yang berkata bahawa mereka tidak pernah diberitahu dan tidak mungkin bahawa skim ini adalah diluluskan oleh Kabinet. Perkara MAMINCO, perkara MAKUWASA, perkara menggunakan Marc Rich,

David Zaidner, soal sama ada wang itu ialah sebenarnya wang slush fund UMNO, semua ini perlu satu keterangan yang sempurna oleh kerana kalau tidak, MAMINCO ini akan terus menjadi satu skandal di mana rakyat belum tahu latar belakang sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, Kerajaan ada berkata bahawa dalam perkara dua buah syarikat MAKUWASA, Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk menutup mereka. Apakah masa depan mengenai tiga lagi syarikat MAKUWASA? Adakah benar bahawa Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk menutup dua buah syarikat MAKUWASA iaitu MAKUWASA Securities Berhad dan MAKUWASA Jaya Development Sendirian Berhad oleh kerana urusniaga saham-saham MAKUWASA ialah tidak sah dan melanggar undang-undang dan juga ianya satu ulasan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan-laporan Audit KWSP. Saya hendak bertanya kenapa Kerajaan menubuhkan MAKUWASA menggunakan nama "MAKUWASA" oleh kerana "KUWASA" ialah acronym "KWSP" (EPF)? Adakah ini sebenarnya tidak ada berkaitan langsung dengan MAMINCO, sebenarnya satu operation yang lain, satu operation mahu yang menggunakan wang KWSP untuk tujuan-tujuan tertentu? Kenapa menggunakan nama "MAKUWASA"? Tentulah ada berkaitan dengan KWSP—KUWASA. Saya rasa ini perlu satu keterangan yang sedalam-dalamnya.

Saya harap bahawa skandal MAMINCO, skandal MAKUWASA tidak bolehlah dibiarkan semacam ini bahawa rakyat sudah puas hati dengan keterangan-keterangan yang ada diberi oleh Kerajaan. Saya juga harap bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen pun boleh siasat

dalam perkara MAMINCO dan perkara MAKUWASA dan kedua-dua syarikat ini menunjukkan bagaimana prinsip accountability langsung tidak ada. Kita mahu satu jaminan bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) bolehlah menyasiat peristiwa MAMINCO dan peristiwa MAKUWASA dan juga bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan membentangkan satu laporan yang khas mengenai MAKUWASA dan MAMINCO. Inilah satu bab Kerajaan kita yang sangat tidak sihat, satu bab rahsia. Ini juga menunjukkan betapa bahaya kalau kita-membenarkan satu keadaan di mana wang rakyat yang berbilion-bilion ringgit boleh digunakan untuk satu tujuan di mana rakyat tidak tahu, dan mahu tunggu lima tahun untuk satu admission dibuat. Inilah sebenarnya satu tindakan yang tidak hormat kepada Parlimen, kepada sesiapa yang kata bahawa mereka mengamalkan demokrasi berparlimen. Di sini saya mahu bertanya, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri, sama ada line of credit yang didapati ialah daripada Bank Bumiputra untuk tujuan ini—MAMINCO?

Apabila Laporan BMF dikemukakan, saya ada baca satu dokumen di sana bahawa pada akhir tahun 1982 Bank Bumiputra ada memberi satu loan yang besar kepada MAMINCO melalui Cawangan Bahrain. Kalau ini satu keputusan Kerajaan yang terbuka yang tidak apa-apa, tidak sah, kenapa mahu line of credit daripada Bank Bumiputra, bukan daripada Kuala Lumpur, kenapa mahu daripada Bahrain? Adakah ini untuk menutup atau menyembunyi character yang sebenarnya perkara MAMINCO ini? Inipun perlu satu penjelasan. Adakah line of credit ini dibayar mengikut Yang Berhormat Menteri atau adakah pinjaman ini dibayar dengan pinjaman yang baru?



**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah gulong?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Saya harap bahawa ke atas perkara ini Kerajaan Barisan Nasional akan memberi satu keterangan yang sepenuhnya sebab tidak ada apa-apa lagi untuk disembunyikan. Perkara ini sudah berlaku. Perkara ini mungkin menjadi satu sebab yang utama bagi kejatuhan Pasaran Timah dalam bulan Oktober tahun lalu. Saya harap bahawa Kerajaan akan mengeluarkan, mengadakan satu siasatan yang terbuka menunjukkan bahawa Kerajaan tidak apa-apa untuk menyembunyikan dalam perkara ini dan bahawa Kerajaan adalah bersih, cekap dan beramanah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.56 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap, terutama sekali kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya pun hairan kenapakah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan perkara yang telah pun dijawab dengan panjang lebar oleh Menteri di Dewan yang mulia ini.

Berkenaan dengan MAKUWASA yang telah disebut berkali-kali oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sedia maklum dan telah ditanyakan olehnya sendiri, perkara MAKUWASA ini tidak ada bersangkutan paut dengan Kementerian Perusahaan Utama. Soalan ini telah pun dijawab dengan panjang lebar oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia pada 9hb dan 21hb Oktober, dan saya tidak bercadang

untuk mengulangkan perkara-perkara ini. Hanya saya ingin menegaskan di sini berkenaan dengan perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang telah dijawab dengan panjang lebar oleh Menteri iaitu perkara yang bersangkutan paut dengan MAMINCO (Sdn) Bhd. Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan telah menyimpan dan memastikan supaya disegerakan akaun-akaun yang sempurna bekaitan dengan koperasi MAMINCO tersebut, terutama sekali saya ingat perkara ini telah pun dijawab dengan panjang lebar, tetapi biarlah saya jawab kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkara ini dia tidak tahu.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terutama sekali tidak timbul sebarang persoalan salahguna ataupun lepasan wang atau mana-mana pegawai awam yang mendapat faedah kewangan daripada urusan tersebut, Adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun ini diaudit oleh Jabatan Audit Negara dengan mematuhi segala tatacara yang ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tidak payahlah penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak taulah, tidak fahamlah!

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya ingat itulah sahaja yang saya hendak menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kerana saya anggap perkara ini tidak mustahak dan telah pun dijawab dengan panjang lebar, hanya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sahaja hendak memanjang-manjangkan perkara yang telah kita anggap sebagai selesai dan sekarang ini dalam perhatian Jabatan Odit.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang telah membangkitkan beberapa perkara bersangkut-paut dengan masalah tin di negara kita ini. Inginlah saya menjelaskan di sini bahawa berikutan daripada krisis pasaran yang ditimbulkan oleh C. G. Loo yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di KLCE pada tahun 1984, pihak Kerajaan telah meneliti semula keseluruhan sistem dagangan hadapan komoditi di negara ini. Berikutan dari usaha ini satu Akta baru yang dipanggil Akta Dagangan Komoditi 1985 telah diwujudkan dan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Mac, 1986.

Kaedah dan Peraturan baru KLCE dan juga Clearing House yang kini dipanggil Malaysian Futures Clearing Corporation (MFCC) telah digubal semula. Sistem dagangan yang baru ini telah pun mula dilaksanakan sejak awal tahun ini dan sejauh ini prestasinya adalah memuaskan, keyakinan pasaran telah dapat dipulihkan semula dan jumlah dagangan juga telah bertambah baik.

Mengenai Suruhanjaya yang baru, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa ianya dianggotai oleh mereka yang telah berpengalaman di bidang dagangan hadapan komoditi dan Kerajaan berkeyakinan bahawa mereka akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh berkesan, insya Allah.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya juga membangkitkan berkenaan dengan kononnya tidak ada seimbangan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkenaan dengan duti yang dikenakan kepada tanah-tanah lombong.

Sebenarnya tidak ada percanggahan di antara dasar kedua-dua Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan

Persekutuan. Walaupun Kerajaan Persekutuan memberikan galakan kepada para pelombong melalui Skim Pinjaman Mudah, namun para pelombong haruslah mematuhi segala peraturan perlombongan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Performance Bond yang dikatakan itu bukanlah satu perkara baru, oleh kerana ianya telah sedia ada dan memandangkan . . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta penjelasan!

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Okay.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya faham iaitu Performance Bond dan bayaran premium bukan satu perkara baru, tetapi yang baru adalah pada masa ini hampir-hampir hapus perindustrian bijih timah, tetapi Kerajaan Negeri meningkatkan nilai bayaran ini 5 kali ganda. Kita harap sepatutnya pada masa kemelesetan ini dan perindustrian bijih timah hampir hapus, Kerajaan Negeri boleh kurangkan semula pembayaran ini, bukan meningkatkan 5 kali ganda, itulah yang saya sentuh.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya ingat kalau Yang Berhormat dari Petaling Jaya sabar sedikit mungkin dia akan dengar jawapan saya. Memandangkan terdapat beberapa pelombong-pelombong yang tidak mematuhi Peraturan Baikpulih dan Timbustanah selepas melombong, maka inilah yang menyebabkan Kerajaan Negeri perlu menggunakan perkataan yang lebih tinggi, oleh kerana tanah bekas lombong diperlukan bagi maksud pembangunan lain dan sekiranya pelombong tidak menimbus tanah selepas melombong, kos menimbus kelak akan ditanggung oleh Kerajaan yang bermakna wang rakyat akan terlibat. Oleh yang demikian tidaklah

betul bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat menjalankan operasi secara berlainan, malahan kita boleh menganggap bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah complementary, yang akan menentukan satu perusahaan melombong yang teratur, selamat dan menyumbangkan kelak kepada pembangunan melalui penggunaan tanah yang maksima dan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah bangun memberi banyak cadangan yang baik dan saya percaya perkara-perkara ini telah pun dicatat dan jika terdapat cadangan-cadangan itu boleh dilaksanakan dengan cara praktiknya, insya Allah kita akan melaksanakannya.

Saya ingat tidaklah ada apa-apa lagi yang saya hendak sambung di sini, melainkan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi berbagai-bagai cadangan yang amat berguna kepada Kementerian saya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$132,991,900 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$132,991,900 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$70,988,910 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$70,988,910 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987.

*Maksud B.19 (Jadual)—*

*Maksud P.19 (Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.19 dan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Ya, sila.

6.09 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000—Pertanian dan Butiran 020300—Haiwan, khususnya kepada Butiran 00200 mengenai Program Sawah Terbiar; Program Pertubuhan Peladang; Program Buah-buahan dan Sayur-sayuran; Program Perikanan; Program Koko dan Kelapa dan juga Butiran 00900—Projek Pertanian Yang Lain; Subsidi Baja; Pemulihan Sawah Terbiar dan ?rojek-projek UPEN.

Tuan Pengerusi, kita semua sedar bahawa kemiskinan yang sebenar-benarnya adalah dialami oleh orang-orang kampung di mana butiran-butiran yang telah saya sebutkan tadi. Petani-petani, nelayan-nelayan, peladang-peladang adalah dari kumpulan-kumpulan yang memerlukan kepada bantuan kewangan, bantuan nasihat dan lain-lain bantuan daripada Kementerian Pertanian. Kadang-kadang perkara-perkara yang seumpama inilah yang telah dipersoalkan oleh setengah-setengah golongan dengan perasaan cemburu kepada orang miskin yang diberi bantuan dan subsidi untuk sesuap nasi pagi dan petang. Mereka tidak sedar, sekiranya orang miskin dan orang susah, orang-orang yang

papa kedana ini terus dibiarkan miskin, maka mungkin satu hari nanti orang miskin yang papa kedana ini akan bangun memberontak dan mengamuk. Jadi, kita perlu sedar bahawa kereta besar kita tidak selamat, rumah besar kita tidak selamat, harta kita yang banyak tidak selamat, isteri kita yang comel juga tidak selamat.

**Tuan Pengerusi:** Macam mana tidak selamat itu? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tidak selamat apabila manusia-manusia yang miskin dan kelaparan ini akan turun ke bandar, mereka akan turun mencari orang-orang kaya yang tidak mahu bersimpati dengan mereka. Perasaan marah ini juga akan timbul apabila terdengar suara-suara sumbang yang cuba menyekat di penjuru sana dan menyekat di penjuru sini. Ini adalah perkara-perkara yang penting. Kalau tidak diberi bantuan kepada mereka tentulah lebih banyak tanah sawah yang terbiar. Kepada siapa hendak disalahkan? Kepada siapa kita hendak salahkan? Adakah kita hendak salahkan kepada orang-orang tua di kampung yang membiarkan tanahnya tidak bertanam atau kita akan marah kepada pemuda-pemudanya yang berhijrah ke bandar atau kepada siapa? Perkara ini sudah pun berlaku, tanah terbiar ada, tanah terbiar ini semakin banyak dan semakin bertambah.

Dalam hal ini, Kementerian Pertanian perlulah mengambil sikap yang tegas, perlulah mengambil segala daya usaha bagi memulihkan tanah-tanah terbiar ini. Sudah tentu segala usaha yang hendak dijalankan itu akan menghadapi berbagai-bagai halangan, umpamanya halangan-halangan daripada tuan-tuan tanah yang tidak mahu disatukan dengan tanah-tanah lain untuk diusahakan satu-satu projek tertentu. Tetapi orang-orang kita, orang-orang kampung apabila mereka dinasihat secara baik, apabila mereka

diberi tahu secara tertentu bukan dengan secara sindiran-sindiran maka sudah tentulah nasihat-nasihat yang baik itu akan ditekankan. Kalau hari ini tidak diterima, mungkin esok kita pujuk lagi dan tentulah lusa ianya akan diterima juga.

Semangat dan dedikasi daripada agensi-agensi tertentu di Kementerian Pertanian perlulah mengambil perhatian yang berat mengenai perkara ini. Kita sedar tanah-tanah terbiar itu tidak akan dapat ditanam semula sekiranya tidak diusahakan dengan secara berkelompok atau diserahkan kepada mana-mana satu agensi bagi menjalankannya. Maka inilah satu-satunya usaha yang boleh dilakukan. Kalau ada tempat yang telah berjaya melakukannya maka tentulah di tempat yang lain juga dapat menjayakannya.

Satu perkara yang penting yang ingin saya sentuh di sini ialah perkara tanaman sayur-sayuran yang dicadangkan oleh pihak Kementerian kepada petani-petani tanamkan. Dalam hal ini, sukalah saya mencadangkan kepada Kementerian melalui agensi-agensinya supaya memberi nasihat kepada peladang-peladang, kepada petani-petani kita supaya menanam sayur-sayuran yang tertentu di musim-musim yang tertentu dengan menetapkan program-programnya, jangan membiarkan mereka sendiri yang menumpukan kepada satu jenis tanaman yang pada akhirnya memandangkan kepada jenis tanaman itu atau jenis, sayur-sayuran itu atau jenis buah-buahan itu harganya tinggi, semua sekali petani kita menanam satu jenis sayuran sahaja yang ditanam. Kalau seorang tanam timun, semua orang lain tanam timun. Jadi, takkan semua orang hendak makan timun. Kalau tanam terong, semua sekali tanam terong, begitulah kubis dan lain-lain. Jadi, program itu mustahak. Ditetapkan kumpulan ini tanam tanaman ini, dan

kumpulan ini tanam tanaman ini. Kalau semua orang tanam satu jenis makanan, satu jenis buah-buahan atau satu jenis sayur-sayuran, akan berlambak di pasaran. Maka ini menjadikan harganya murah dan menawarkan hati penanam-penanam tadi. Jadi, peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian sangat mustahak.

Saya juga ingin menyentuh perkara ternakan lembu iaitu kita patut memberi setinggi-tinggi kepujian dan penghargaan kepada Kementerian Pertanian yang telah memberi peluang, memberi subsidi atau bantuan binatang-binatang ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan lain-lain yang diberi kepada petani.

Dalam hal ini saya cadangkan kepada pihak Kementerian supaya membuat penyelidikan yang teliti sebelum lembu-lembu itu diberi kepada petani-petani kerana didapati di setengah-setengah tempat di mana petani-petani itu telah membuat rayuan dan telah meminta bantuan lembu pawah mereka mempunyai tempat di mana ianya boleh memelihara teraakan lembu, kambing atau ayam yang akan diberi itu, tetapi malangnya orang-orang ini tidak dapat. Saya sebutkan ini adalah mengenai perkara-perkara tertentu dan saya sendiri akan rujukkan perkara yang khusus ini kepada Kementerian Pertanian secara bersurat kemudiannya. Jadi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, kalau hendak gulong, sila gulongkan. Sudah bagus dah itu. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya sedang mencari daun-daun rumput untuk dianyam menjadi sehelai tikar untuk digulong.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat dari Jempol.

6.22ptg.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus (Jempol):** Tuan Pengerusi, saya suka memberi beberapa pandangan dalam Maksud Pembangunan B.19, dan saya suka mula dengan merujuk kepada muka surat 85, B.19 Butiran 00200 terutama sekali tentang Program Sawah Terbiar.

Tuan Pengerusi, bagi petani-petani dan peladang-peladang yang ada di kawasan luar bandar, hidup dan kehidupan mereka itu banyak berkisar kepada soal kegunaan dan cara-cara tanah-tanah yang mereka miliki, yang mereka sewa digunakan. Dan kita tahu dalam negara kita sekarang ini banyak tanah-tanah sama ada tanah-tanah sawah ataupun tanah-tanah yang telah dimajukan oleh Kerajaan telah terbiar semula akibat daripada berbagai-bagai permasalahan yang ada di sektor pertanian.

Dalam usaha kita bersama-sama untuk hendak cuba memberikan pulangan yang wajar kepada petani-petani dan peladang-peladang, pada pandangan saya semua jentera Kerajaan yang terlibat dalam usaha-usaha hendak memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar ini perlulah diselaraskan dengan betul supaya setiap tindakan yang hendak kita laksanakan itu dapat memberikan pulangan yang maksima kepada setiap usaha yang dilakukan.

Kita maklum banyak agensi-agensi Kerajaan yang terlibat di dalam usaha hendak memulihkan tanah-tanah sawah dan tanah-tanah daratan yang terbiar seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, FELCRA, FAMA dan lain-lain. Dan pada pandangan saya soal penyelarasan antara agensi-agensi Kerajaan ini cukup penting. Terutama sekali bagi memastikan petani-petani kita pada akhirnya mendapatkan hasil dan pulangan yang

tinggi daripada setiap usaha yang mereka lakukan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, kelihatan pada hari ini ada dalam proses pelaksanaan satu-satu program kadangkala kedapatan pertindihan-pertindihan kerja dan juga gambaran-gambaran tentang kurangnya penyelarasan di antara setengah-setengah agensi Kerajaan. Saya suka menekankan pada peringkat ini dari segi pemasaran hasil-hasil yang diusahakan menerusi program-program pemuliharaan tanah-tanah yang terbiar ini, baik yang merupakan hasil-hasil ataupun barang-barang makanan ataupun hasil-hasil yang ada hubung-kaitnya dengan eksport negara seperti kelapa sawit yang juga digalakkan di bawah program tanah-tanah ataupun memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar ini.

Pada pandangan saya, soal memasarkan hasil-hasil daripada program-program yang dibuat ini amat penting kerana kita maklum halangan-halangan yang ada di dalam proses kita memajukan bidang pertanian ini terlalu banyak daripada mula kita menanam sampailah kepada peringkat penjagaan dan sampailah kepada peringkat untuk hendak memasarkan hasil-hasil yang dikeluarkan oleh petani-petani. Dan pengalaman kita jelas menunjukkan iaitu soal pemasaran ini memberi kesan yang cukup besar kepada petani-petani di dalam usaha hendak mengusahakan tanah-tanah mereka itu menerusi jentera yang digerakkan oleh Kerajaan dan saya yakin kalau sekiranya sudut pemasaran hasil-hasil yang dikeluarkan daripada usaha-usaha itu dapat memberikan pulangan yang tinggi, ini akan menjadi pendorong, menjadi penggalak dan boleh mempengaruhi petani-petani dan peladang-peladang kita untuk meningkatkan usaha-usaha memulihkan tanah-tanah sawah dan daratan yang terbiar di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 00300 iaitu Kemudahan-kemudahan MARDI. Kita maklum iaitu soal pemindahan teknologi di kalangan petani-petani kita adalah amat penting di dalam program keseluruhan pembangunan sektor pertanian kita sekarang dan di masa-masa yang akan datang. Dan saya harap kepada MARDI, terutama sekali akan dapat juga menyelaraskan penyaluran-penyaluran teknologi yang telah mereka hasilkan dengan baik, dengan licin, dengan harapan kita juga akan dapat meningkatkan proses menerapkan unsur-unsur dan nilai-nilai teknologi ini di dalam proses pembangunan pertanian kita pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada muka surat 86 iaitu Butiran 00700 iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang. Kita maklum juga Lembaga Pertubuhan Peladang telah diasaskan oleh Kerajaan untuk menyusun tenaga petani-petani dan peladang-peladang di kawasan-kawasan luar bandar supaya tenaga mereka itu dapat digembelingkan dengan betul, dengan lancar di dalam program pembangunan pertanian kita keseluruhannya. Saya harap kepada Lembaga Pertubuhan Peladang di semua peringkat, terutama sekali di peringkat pertubuhan peladang kawasan supaya dapat mengatur tangkai yang lebih banyak di dalam usaha hendak menarik lebih ramai lagi petani-petani dan peladang-peladang kita supaya menganggotai pertubuhan-pertubuhan peladang di peringkat kawasan, kerana mengikut angka-angka yang ada sekarang jumlah ataupun bilangan petani-petani dan peladang-peladang yang menganggotai pertubuhan-pertubuhan peladang di peringkat kawasan masih perlukan kepada banyak lagi tindakan supaya mereka bersama-sama di dalam pertubuhan yang bertujuan untuk menyusun tenaga mereka dan menggembeling tenaga mereka di

dalam rancangan kemajuan dan pembangunan pertanian keseluruhannya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok boleh sambung.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majtis bersidang semula.

*Majtis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*